

WAKTU SEMBAHYANG

IMSAK 4.47 | SUBUH 4.57 | SYURUK 6.16 | DUHA 6.38 | ZUHUR 12.24 | ASAR 3.36 | MAGHRIB 6.30 | ISYAK 7.41

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70

BILANGAN 101

23 OGOS 2025 / 1447

29 صفر

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

PELOPOR PENGAJIAN TINGGI ISLAM HOLISTIK DALAM ERA DIGITAL

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berangkat ke Majlis Hafl Al-Takharrij UNISSA Ke-15 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.
- Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BERAKAS, Khamis, 21 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bertitah, dalam meniti kedewasaan UNISSA bukan sekadar gedung untuk belajar ilmu uagama tetapi berperanan penting menjadi sebuah gedung ilmu inklusif yang terbuka kepada kepelbagaian idea dan pendekatan baharu, namun dalam masa yang sama tetap berpasakkan nilai-nilai Islam.

>> Muka 3

Kebawah DYMM akan adakan Keberangkatan Negara ke Malaysia

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII (Ke-17), Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar pada Majlis Mengadap sempena Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke Negara Brunei Darussalam pada 14 Oktober 2024. - Foto : Jabatan Penerangan (Lihat muka 8).

Berita Utama

RAPTAI penuh pastikan kelancaran Majlis Ramah Mesra

Muka 10

NBD, Timor-Leste kukuhkan hubungan pertahanan dua hala

Muka 11

28 peserta terima sijil Program Literasi Penerangan

Muka 17

RENCANA

UNISSA melahirkan Generasi Khayra Ummah berilmu, berakhlak, berdaya saing

Muka 27



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman berucap pada Majlis Pembukaan Rasmi The 28th ASEAN Directors-General of Immigration Departments and Heads of Consular Affairs Divisions of the Ministries of Foreign Affairs Meeting (28th DGICM) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan pada Rabu, 13 Ogos 2025 bertempat di Songket Ballroom, Rizqun International Hotel, Gadong.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh
Ak. Jefferi Pg. Durahman

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Selamat Pagi**

SESUNGGUHNYA ini merupakan satu penghormatan untuk saya berada di sini hari ini untuk berucap di Perhimpunan Agung sempena Majlis Pembukaan Rasmi The 28th ASEAN Directors-General of Immigration

Kukuhkan kerjasama, imigresen, konsular bagi kemakmuran bersama

Departments and Heads of Consular Affairs Divisions of the Ministries of Foreign Affairs Meeting (28th DGICM) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan.

Bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam (NBD), saya mengucapkan selamat datang kepada semua perwakilan yang dihormati. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan NBD atas layanan baik mereka dalam menganjurkan mesyuarat yang penting ini.

DGICM berfungsi sebagai platform penting untuk mengukuhkan kerjasama dan dialog dalam kalangan Negara Anggota ASEAN mengenai perkara-perkara berkaitan imigresen dan konsular. Ia memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemudahan perjalanan intra-ASEAN, menangani cabaran rentas sempadan dan memajukan usaha kerjasama mengenai mobiliti serantau, pengurusan sempadan, dan pembangunan dasar-dasar imigresen.

Saya amat berbesar hati mengetahui bahawa Negara-negara Anggota DGICM ASEAN terus berpegang teguh kepada komitmen bersama dalam menangani cabaran-cabaran yang semakin rumit dan berkembang yang memberi kesan kepada keselamatan sempadan di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Dedikasi awda yang berterusan amatlah terpuji dan penting dalam mengukuhkan keselamatan dan kemakmuran bersama.

Ia juga begitu menggalakkan dalam melihat kemajuan berterusan dalam inisiatif-inisiatif DGICM, terutamanya :

- Garis Panduan mengenai Bantuan Konsular oleh Misi Negara Anggota ASEAN di Negara-negara Ketiga,

- Kompilasi Amalan Terbaik dalam Pelaksanaan Bantuan Konsular, dan
- Pelan Kerja DGICM untuk melaksanakan Pelan Tindakan ASEAN Mengenai Kerjasama Dalam Bidang Imigresen dan Konsular.

Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan ASEAN untuk mengukuhkan hubungan antara rakyat, di samping menjaga hak-hak dan kebajikan warga kita di luar negara.

Mesyuarat pada tahun ini juga akan membentangkan inisiatif-inisiatif baharu yang berpandangan ke hadapan, termasuk :

- Kajian yang dicadangkan mengenai kebolehlaksanaan menyediakan kemudahan pengecualian visa bagi kategori khusus pengembara, dan
- Pembangunan seterusnya Pusat Latihan Imigresen ASEAN.

Perbincangan-perbincangan ini adalah tepat pada masa dan strategik ketika kita sedang terus mencari huraian-huraian yang praktikal untuk meningkatkan mobiliti sambil memastikan keselamatan.

Saya dengan sukacita ingin memaklumkan bahawa penglibatan DGICM dalam Program Rakan-rakan Dialog telah berkembang dengan begitu bermakna. Sejak dialog dengan Negara-negara Campur Tiga iaitu Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea pada tahun 2022, kita kini menandakan tahun keempat kerjasama yang semakin berkembang.

Tambahan pula, tahun ini juga menandakan Perundingan DGICM + Australia Ke-20. Kemajuan yang dicapai, terutama dalam pembinaan kepercayaan dan pertukaran pengetahuan, adalah membanggakan. Saya memuji komitmen

berterusan dan usaha bersama daripada semua rakan-rakan kongsi kami.

Sedang kita mengharungi dunia yang semakin saling terhubung yang dibentuk oleh transformasi digital yang pesat dan ancaman-ancaman global yang baru muncul, bidang pengurusan imigresen juga mesti berkembang. DGICM memainkan peranan penting dalam menyokong Visi Masyarakat ASEAN melalui kerjasama dan inovasi yang dipertingkatkan.

Dalam hal ini, saya menyeru DGICM untuk terus meneroka penggunaan teknologi canggih, terutamanya Kecerdasan Buatan (AI), dalam memodenkan sistem dan proses imigresen.

AI menjanjikan perubahan yang besar dalam perkhidmatan imigresen sama ada dalam memperkemas permohonan visa, mengesan sebarang penyelewengan, mengukuhkan pengawasan sempadan, atau membolehkan keputusan yang didorong oleh data. Namun, dalam kita mengejar kemajuan ini, kita juga harus memastikan bahawa aspek empati imigresen yang berpusatkan kemanusiaan, keadilan dan perlindungan hak tidak pernah terlepas pandang.

Saya menggalakkan semua Negara-negara Anggota ASEAN untuk terus memupuk semangat kerjasama, saling menyokong, dan melibatkan diri dengan lebih mendalam dengan rakan-rakan kongsi rentas sektor dan luar. Saya yakin bahawa pertukaran dan perbincangan semasa mesyuarat ini terutamanya mengenai landskap jenayah transnasional yang berkembang akan menghasilkan hasil dan strategi yang ketara untuk meningkatkan keselamatan dan daya tahan serantau.

>> Muka 10

WAKTU SEMBAHYANG										
OGOS MASHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
23	SABTU	29	4.47	4.57	6.16	6.38	12.24	3.36	6.30	7.41
24	AHAD	30	4.47	4.57	6.15	6.38	12.24	3.35	6.30	7.40
25	ISNIN	1	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.34	6.30	7.40
26	SELASA	2	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.33	6.29	7.39
27	RABU	3	4.47	4.57	6.15	6.38	12.23	3.32	6.29	7.39
28	KHAMIS	4	4.46	4.56	6.15	6.37	12.23	3.32	6.28	7.38
29	JUMAAT	5	4.46	4.56	6.15	6.37	12.22	3.31	6.28	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
31 25 °C	31 25 °C	31 24 °C	
Pekan Bangar			
31 25 °C	31 25 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong			
31 25 °C	31 25 °C	31 24 °C	
Kuala Belait			
31 25 °C	31 25 °C	31 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

23 OGOS 2025

Mengurus masa dengan bijak

MASA merupakan anugerah yang sangat berharga dalam kehidupan manusia. Setiap orang hanya diberikan 24 jam sehari tanpa mengira usia, status ataupun kedudukan. Justeru, cara seseorang menguruskan masa menentukan kualiti hidup, tahap pencapaian dan keseimbangan antara tanggungjawab serta rehat. Mengurus masa dengan bijak bukan sekadar merancang aktiviti tetapi juga disiplin untuk mematuhi perancangan tersebut.

Salah satu langkah utama dalam pengurusan masa ialah mengenal pasti keutamaan. Tidak semua tugas yang banyak itu penting dan tidak semua perkara yang mendesak benar-benar memberi manfaat jangka panjang. Dengan menyusun keutamaan, kita dapat memberi fokus kepada tugas yang lebih bermakna, sama ada berkaitan dengan pelajaran, pekerjaan ataupun tanggungjawab keluarga. Prinsip yang utama didahulukan membantu kita mengelakkan pembaziran masa pada perkara yang kurang perlu. Selain itu, perancangan harian juga memainkan peranan penting. Menyediakan jadual tugas, senarai semak (*to-do list*) ataupun menggunakan aplikasi pengurusan masa dapat membantu mengatur aktiviti dengan lebih teratur. Apabila kita jelas dengan apa yang perlu dilakukan, masa tidak terbuang begitu sahaja. Lebih baik lagi, merancang jadual dengan memasukkan waktu rehat dan ibadah supaya keseimbangan antara duniawi dan rohani tetap terjaga.

Disiplin dan konsistensi pula adalah kunci kejayaan dalam mengurus masa. Ramai yang mampu membuat jadual tetapi gagal mengikutinya kerana sikap bertangguh. Tabiat menunda kerja menyebabkan beban semakin bertambah dan akhirnya menimbulkan tekanan. Oleh itu, penting untuk melatih diri melaksanakan tugas tepat pada waktunya. Dengan cara ini, kita bukan sahaja mengurangkan tekanan, malah melatih diri menjadi lebih bertanggungjawab. Selain itu, bijak mengurus masa juga bererti tahu bila perlu berehat. Tubuh badan dan minda yang cergas akan meningkatkan produktiviti. Oleh itu, pengurusan masa yang baik haruslah seimbang antara kerja, ibadah, rehat serta masa bersama keluarga.

Kita hendaklah sentiasa ingat supaya memanfaatkan masa yang ada dengan sebaik-baiknya. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya : "Daripada Abi Barzah Al-Aslami ia berkata : Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Tidak akan bergerak kedua-dua kaki seorang hamba itu pada Hari Kiamat di Padang Mahsyar sehingga ia disoal tentang umurnya bagaimana ia dihabiskan, tentang amalnya apa yang dilakukan dengannya, tentang hartanya dari mana ia diperoleh dan untuk apa ia dibelanjakan dan tentang tubuh badannya bagaimana ia menggunakannya". (Riwayat Al-Imam At-Tirmidzi) - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

MEMACU BUDAYA PENYELIDIKAN BERIMPAK TINGGI

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Muhammad Kamarularifin Pg. Roslan, Shahwal Ibrahim Tajudin

BERAKAS, Khamis, 21 Ogos. - Bidang-bidang ilmu tradisional seperti tafsir, hadis, fiqh mempunyai ruang yang sangat luas untuk diteroka semula dengan pendekatan yang lebih segar apabila dihubungkan dengan teknologi digital.

Di samping itu, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) boleh menawarkan program *micro-credential* yang bersifat sepanjang hayat (Lifelong Learning) yang kandungan kurikulumnya adalah gabungan tradisional dan kontemporari.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA bertitah menekankan perkara tersebut pada Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-15, Tahun 2025 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, seiring dengan itu, aspek penyelidikan dan pembangunan adalah mustahak diberi keutamaan kerana ia adalah teras

utama kepada kecemerlangan sebuah universiti.

UNISSA titah baginda, perlu memacu budaya penyelidikan berimpak tinggi, iaitu penyelidikan yang tidak hanya tertumpu kepada akademik semata-mata, tetapi juga yang berkait rapat dengan isu-isu semasa, cabaran masyarakat, serta pembangunan dasar dan penyelesaian kepada permasalahan sebenar.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia turut bertitah, sebagai contoh ialah penyelidikan dalam bidang halal dan sains makanan, di mana UNISSA boleh menerajui penyelidikan yang berkaitan dengan teknologi pengesanan halal dan kajian piawaian halal serantau yang boleh memberi impak positif kepada integrasi sistem jaminan halal.

Di samping itu titah baginda, penyelidikan di dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam yang digandingkan dengan teknologi moden juga amat diperlukan, yang mana ini adalah bagi merangka penyelesaian untuk membantu golongan kurang berkemampuan untuk meningkatkan tahap sara diri dan kesejahteraan ekonomi keluarga agar mereka ini tidak terus tercicir daripada pembangunan arus perdana.

Kebawah DYMM menyarankan kerjasama strategik antara institusi pengajian tinggi, agensi



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan mengurniakan titah pada Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-15, Tahun 2025.

kerajaan dan pihak industri diperkasa dalam bidang penyelidikan dan pembangunan.

Usaha ini, titah baginda boleh dijayakan melalui geran kolaboratif dan perkongsian pakar, di mana dengan gabungan yang kuat seperti ini, UNISSA setentunya akan dapat memperkukuhkan lagi

kedudukannya sebagai pusat ilmu yang unggul dan diiktiraf di peringkat serantau dan global.

"Akhirnya, beta merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada seluruh warga UNISSA, yang terdiri daripada Ahli-ahli Majlis, Senat Universiti, Rektor, pegawai-

pegawai utama, tenaga akademik dan seluruh pegawai serta kakitangan UNISSA atas segala sumbangan dan penglibatan dalam menjayakan Majlis Haflut Takharruj Ke-15 ini. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan membalas dengan ganjaran berlipat kali ganda," titah baginda lagi.

Pelopor pengajian tinggi Islam holistik dalam era digital

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah, menyarankan agar UNISSA akan dapat melangkah ke hadapan

menjadi pelopor pengajian tinggi Islam yang holistik dalam era digital.

"Era digital akan menjadikan dunia bergerak pantas. Oleh itu, UNISSA tidak boleh hanya jadi penonton dan berdiri di tepi arus perubahan yang pesat, tetapi sebaliknya perlu tampil menjadi pemain aktif yang responsif dan proaktif. Mungkin sudah tiba masanya bagi UNISSA untuk menilai semula pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran, memperbaharui

kurikulum serta meningkatkan keupayaan literasi digital terkini dalam kalangan pelajar dan tenaga akademik," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-15, Tahun 2025 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, hari ini.

Penguasaan terhadap teknologi titah baginda, bukan lagi satu pilihan, bahkan keperluan untuk kelangsungan dan kecemerlangan institusi pengajian tinggi Islam seperti UNISSA.

Terdahulu, Kebawah DYMM bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat-Nya jua dapatlah sekali lagi bersama-sama hadir dalam Majlis Hafl Al-Takharruj

UNISSA kali Ke-15, pagi tadi.

Kebawah DYMM juga dengan tulus ikhlas mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan yang telah diraikan atas kejayaan masing-masing yang bukan sahaja mencerminkan ketekunan dan kesungguhan yang membawa harapan besar bagi generasi pelapis yang akan menerajui kepimpinan negara.

Demikian juga baginda merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan yang sama kepada para ibu bapa, penaja yang menjadi tunggak di sebalik pencapaian hari ini serta para tenaga akademik yang sama-sama memberikan sumbangan bermakna kepada kejayaan yang dicapai oleh para graduan hari ini.



SEKITAR Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-15 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kiri, bawah kiri dan bawah kanan).



HAFL AL-TAKHARRUJ UNISSA RAIKAN 507 GRADUAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan berangkat ke Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-15, Tahun 2025 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Berangkat sama, paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UNISSA (kiri dan kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Muhammad Kamarularifin Pg. Roslan, Shahwal Ibrahim Tajudin

BERAKAS, Khamis, 21 Ogos. - Seramai 507 graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pagi tadi diraikan setelah berjaya menamatkan pengajian ijazah dan diploma pada Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-15, Tahun 2025 bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Para graduan pada Hafl Al-Takharruj tahun ini terdiri

daripada pelbagai program dan peringkat pengajian iaitu penerima Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda, Diploma Siswazah, Diploma Tertinggi Kebangsaan, Diploma Kebangsaan dan Ijazah Khas Hafazan 30 Juzuk.

Berangkat mengurniakan ijazah dan diploma berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UNISSA.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku Pengerusi Majlis UNISSA; dan Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Sejurus keberangkatan tiba, perarakan baginda didahului dengan Bentara menjunjung Mushaf UNISSA di hadapan perarakan berkenaan dan masuk diiringi dengan alunan selawat dan qasidah (dikir) 'Ahlan Bikum

Sultanana' dan kemudiannya diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' sejurus selesai Perarakan Canselor.

Hafl Al-Takharruj disemarakkan dengan alunan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran iaitu Surah An-Nahl bermula ayat 10 hingga 13, dibacakan oleh graduan Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Kehakiman, Fakulti Syariah, Awang Muhammad Aimanuddeen Syahir bin Haji Ibrahim.

>> Muka 5



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas). Manakala gambar kanan sekali, Hafl Al-Takharruj disemarakkan dengan alunan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan bacaan Al-Hadis.



SEBAHAGIAN yang hadir menadah tangan semasa doa dibacakan (atas tengah, atas dan kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan ijazah dan diploma kepada para graduan (kiri dan kanan).

>> Muka 4

Beliau memperoleh tempat ketiga dalam Pertandingan Tausyeh bagi dewasa dan belia masjid negara pada tahun 2022. Manakala bacaan Al-Hadis pula disampaikan oleh graduan Ijazah Sarjana Muda Tafsir dan Hadith, Fakulti Usuluddin, Awang Abdul Mujib bin Awang Sh'minan.

Pada tahun 2022, beliau menjuarai pelbagai pertandingan termasuk Pertandingan Syarahan anjuran UNISSA dan Pertandingan Table Tennis, serta mendapat tempat ketiga pada Pertandingan Pidato Antarabangsa 2023.

Sementara inti sari ayat-ayat suci Al-Quran dan Al-Hadis dibacakan oleh graduan Ijazah Sarjana Undang-Undang dan Sarjana Muda Perundangan Syariah, Fakulti Undang-Undang Haji Hassanal Bolkiah, Awang

Ahmad Zahid bin Borhanuddin.

Beliau memperoleh anugerah setiausaha agung terbaik dalam persatuan pelajar undang-undang Asia (ALSA) dan mendapat beberapa pingat dalam pertandingan taekwondo secara individu *poomsae*, antaranya pingat emas pada tahun 2023 di 2nd North Borneo Open Invitation Taekwondo Championship (Malaysia) dan di 3rd Korean Ambassador's Cup (Brunei) serta pingat perak di Sehan University Cup (South Korea).

Antara inti sari ayat-ayat Al-Quran yang dibacakan ialah mengenai sumber alam sebagai anugerah dan amanah di mana Allah menjadikan alam ini sebagai amanah kepada manusia.

Oleh itu, setiap sumber seperti air, tanah dan tumbuh-tumbuhan hendaklah dijaga dan digunakan dengan bijak. Dalam konteks

AgriHalal, ini bermakna kita perlu mengelakkan pencemaran, pembaziran sumber serta mengamalkan pertanian yang mesra alam.

Seterusnya, ayat yang dibacakan juga memperingatkan manusia untuk sentiasa mensyukuri kepelbagaian hasil bumi iaitu tanaman dan haiwan merupakan rahmat Allah kepada manusia yang membolehkan penghasilan pelbagai produk makanan halal.

Bersyukur terhadap nikmat ini perlu diterjemahkan melalui pemeliharaan biodiversiti, penggunaan sumber tempatan serta inovasi dalam mempelbagaikan hasil pertanian dan makanan halal.

Kemudian, ayat yang dibacakan juga menyentuh

mengenai keseimbangan ekosistem di mana pembangunan tidak sepatutnya mengorbankan alam sekitar.

Dalam industri AgriHalal, perlu ada keseimbangan antara keuntungan dan kelestarian.

Misalnya, membuka ladang atau kilang makanan harus dibuat tanpa merosakkan hutan, sungai atau habitat haiwan. Justeru, ini sesuai dengan prinsip Islam yang menolak kerosakan (fasad) di muka bumi.

Manakala inti sari Al-Hadis pula menyebutkan mengenai rezeki yang halal dan diberkati di dalam Islam yang sangat menitikberatkan hasil dan juga cara memperolehnya kerana rezeki yang halal membawa keberkatan dalam kehidupan.

Oleh itu, industri AgriHalal

perlu memastikan seluruh rantai pengeluaran produk patuh syariah dan bebas daripada unsur haram atau syubhah.

Pada majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah dan seterusnya menyempurnakan pengurniaan ijazah dan diploma kepada para graduan.

Terdahulu, Rektor UNISSA telah menyebarkan sembah alu-aluan dan kemudiannya memaklumkan penerima Pingat dan Hadiah Buku Universiti serta para penyumbang sempena Hafi Al-Takharruj Ke-15.

>> Muka 6



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda ketika berangkat ke majlis berkenaan (atas), manakala gambar atas kanan, baginda berkenan mendengarkan sembah penerangan.

PARA graduan yang diraikan menunjukkan ijazah masing-masing (kanan dan kanan sekali).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

>> Muka 5

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti

Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



SEKITAR keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka anakanda baginda ke majlis tersebut (atas dan bawah).



Hafli Al-Takharruj tahun ini menyaksikan 18 graduan menerima Ijazah Doktor Falsafah, 79 graduan menerima Ijazah Sarjana, 11 graduan menerima Diploma Siswazah, 343 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda, 34 graduan menerima Diploma Tertinggi Kebangsaan.

Sementara bagi Program Diploma Kebangsaan, penerimanya adalah seramai 16 orang dan bagi Ijazah Khas Hafazan 30 Juzuk akan menyaksikan seramai enam orang penerima.

Pada tahun ini turut menyertai perbarisan ialah 30 graduan penerima ijazah daripada negara-negara di rantau Asia Tenggara termasuk Republik Arab Mesir, Nigeria, Afghanistan, Togo dan Palestin.

Pengijazahan yang berlangsung dalam suasana penuh istiadat dan meriah ini bukanlah hanya semata-mata sebuah kegembiraan tetapi memberi makna besar untuk para graduan memahami pada merekalah terletak amanah untuk menyumbang bakti

memajukan agama, bangsa serta negara tercinta.

UNISSA akan terus berperanan dalam menyediakan pendidikan tinggi Islam yang berkualiti dan penyelidikan berimpak tinggi yang menjadi pemangkin kepada pembangunan ummah dalam ekosistem mampan berteraskan Maqasid Syariah. Ini adalah selaras dengan visi UNISSA iaitu untuk menjadi Institusi Pengajian Tinggi Islam global yang melahirkan Generasi Khayra Ummah.



PARA graduan berserta keluarga masing-masing tidak melepaskan peluang untuk berswafoto bersama Kebawah DYMM dan paduka anakanda baginda (atas).



SEBAHAGIAN graduan yang diraikan semasa sesi bergambar ramai (kiri sekali dan kiri).

MEMANTAPKAN KURIKULUM, KOKURIKULUM SEIRING TUNTUTAN SEMASA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berkenan berangkat ke Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-15, Tahun 2025.

BERAKAS, Khamis, 21 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) akan sentiasa mengikuti secara dekat akan perkembangan landskap pendidikan tinggi global serta dinamikannya pasaran kerja semasa.

Bertolak daripada keprihatinan ini, UNISSA telah mengambil langkah-langkah strategik untuk memantapkan kurikulum dan kokurikulumnya agar sentiasa seiring dengan tuntutan semasa dan keperluan masa hadapan.

Sehubungan itu, antara inisiatif utama pada tahun ini ialah penubuhan sebuah fakulti baharu yang bersifat interdisiplin, iaitu Fakulti Sains Halal dan Pelancongan Mampan.

Fakulti ini mengintegrasikan dua disiplin ilmu yang dihasratkan akan mampu menghasilkan graduan yang berkebolehan tentang perkara berkaitan piawaian atau standard dalam industri halal serta dalam bidang pelancongan mampan yang kini semakin mendapat perhatian dalam kalangan komuniti antarabangsa.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal semasa menyampaikan sembah alu-aluannya pada Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-15 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Selain itu, jelas Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan lagi, UNISSA juga akan memperkenalkan program baharu peringkat siswazah di bawah Fakulti Pengurusan Pembangunan

Islam.

"Program berkenaan dinamakan Program Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah kerja Islam Sosial.

"Program ini dirangka bagi memenuhi keperluan sektor sosial yang kian berkembang, lebih-lebih lagi bagi menyediakan tenaga kerja yang profesional, berakhlak mulia dan mempunyai empati tinggi terhadap kesejahteraan masyarakat.

"Hal ini selaras dengan aspirasi dan komitmen UNISSA yang mendukung prinsip mencorak Khayra Ummah (sebaik-baik umat)," terangnya.

Dalam masa yang sama, ujar Rektor UNISSA, UNISSA pada tahun ini juga turut membuka lembaran baharu dengan menggunakan jalinan keakraban rakan strategik bagi memperkenalkan Program Ijazah Dual Sarjana Muda (Dual Degree Programme) secara kolaboratif.

Program yang bakal membuka ruang kepada para pelajar menerima dua kelayakan akademik daripada dua universiti rentas sempadan tersebut akan memulakan penawarannya pada Sesi Pengajian 2025/2026, terang Rektor UNISSA lagi.

Strategi tersebut, tambah beliau, merupakan inisiatif penting UNISSA bagi para pelajar memperoleh pendedahan serantau dan global, di samping mengasah daya kepimpinan untuk memimpin perubahan di masa hadapan dan juga prospek pasaran kerja yang lebih luas.

"Alhamdulillah, dua fakulti akan menerajui pelaksanaan awal

program ini. Pertama, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA yang akan bekerjasama dengan Fakulti Kewangan Antarabangsa, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam menawarkan Program Ijazah Dual Sarjana Muda Kewangan Islam; dan kedua, ialah Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, UNISSA yang akan menjalin kerjasama dengan Kulliyyah Ekonomi dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam penawaran Program Ijazah Dual Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan Islam dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan," jelasnya.

Selari dengan usaha dalam pemantapan kurikulum, tambahnya lagi, UNISSA juga telah mengambil langkah memperkukuh pelaksanaan kursus kokurikulumnya dengan penjenamaan baharu yang lebih progresif yang dikenali sebagai FIKRA (Framework for Integrating Knowledge, Readiness and Advancement).

FIKRA tidak hanya berperanan membimbing pelajar dalam aspek kepimpinan, kerjasama berpasukan dan kemahiran insaniah, tetapi juga turut menjadi platform untuk meneroka potensi diri dan bakat para pelajar dalam pelbagai bidang selaras keperluan semasa dan sebagai persiapan pelajar UNISSA dalam menghadapi realiti keboleherjaan yang semakin mencabar, ujarnya.

"Alhamdulillah, sukacita disembahkan pada Julai lalu, UNISSA telah berjaya meningkatkan kedudukannya dalam The World University Rankings for Innovation (WURI) 2025. Daripada kedudukan ke-221 pada tahun lalu, UNISSA pada tahun ini melonjak ke tangga 201 secara keseluruhan.

"Penyertaan kali ini menyaksikan sejumlah 1,253 buah universiti dari 87 buah negara, dengan 4,866 buah program inovatif yang ikut serta untuk dinilai.

"UNISSA turut mencatat prestasi yang memberangsangkan apabila diumumkan menduduki tempat

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohammad Hasif Matzin, Pg. Muhammad Kamarularifin Pg. Roslan, Shahwal Ibrahim Tajudin

ketiga dalam kategori Technology Development and Application, tempat ke-19 dalam Kategori ESG (Environment, Social, Governance) trend dan tempat ke-28 dalam kategori Empowerment - Based Management," jelas Rektor UNISSA lagi.

Sementara itu, pada tahun ini UNISSA juga telah mendapat pengiktirafan antarabangsa daripada Cambridge Islamic Finance Advisory (IFA) iaitu sebuah badan penasihat, penyelidikan dan penarafan global khusus dalam bidang kewangan Islam, pembangunan institusi dan tadbir urus, jelasnya.

Beliau seterusnya menerangkan bahawa Cambridge IFA yang berpangkalan di United Kingdom telah mengiktiraf UNISSA dengan Anugerah 3G (The Global Good Governance) Champion Award in Education and Human Resource Development 2025.

Anugerah ini adalah manifestasi kepada komitmen berterusan UNISSA kepada agenda pembangunan institusi Islam yang berintegriti termasuklah ekosistem kewangan Islam yang progresif dan inklusif, tegasnya lagi.

"Dalam pada itu, UNISSA juga tidak ketinggalan turut serta dalam memeriahkan dunia inovasi.

"Alhamdulillah, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik sukacita menyampaikan bahawa UNISSA telah berjaya meraih beberapa pengiktirafan dalam pertandingan berprestij, antaranya pada penghujung tahun lalu, projek inovasi pelajar bertajuk 'Intelligent Magra'ah Online Al-Quran' telah menerima Anugerah Merit dalam Anugerah APICTA 2024, dan baru-baru ini Pertandingan Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025 telah menyaksikan dua projek penyelidikan berinovasi UNISSA telah mendapat tempat dan diiktiraf.

"Pencapaian ini merupakan satu bentuk pengiktirafan yang amat bermakna, ia bukan sahaja menyerlahkan keupayaan para penyelidik dan pelajar UNISSA dalam mengemukakan penyelesaian terhadap isu-isu semasa, malah turut mencerminkan potensi besar universiti ini dalam menerajui agenda inovasi berteraskan nilai Islam," terang Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan.

Beliau seterusnya mengongsikan bahawa UNISSA juga turut berbesar hati apabila usaha gigih dan sumbangan besar seorang profesor undang-undangnya mendapat perhatian di peringkat antarabangsa.

Badan penarafan ilmuwan global, AD Scientific Index, yang menganalisis reputasi dan sumbangan para sarjana di seluruh dunia, telah menyenaraikan nama beliau dalam kedudukan ke-9 tokoh teratas dunia dalam bidang undang-undang, serta terbaik di



REKTOR UNISSA dalam sembah alu-aluannya pada Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Ke-15, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Asia, ujanrya.

Seterusnya, pencapaian membanggakan turut dicatat oleh seorang tenaga akademik muda UNISSA yang berjaya tersenarai dalam kelompok 'Top 50 World Leader Innovator Awards' pada Japan International Youth Innovation Summit 2025, tambahnya lagi.

Jelasnya, pencapaian-pencapaian tersebut setentunya menyerlahkan potensi besar warga akademik UNISSA, sekali gus menyerlahkan nama UNISSA di persada antarabangsa.

Rektor UNISSA seterusnya menyebarkan bahawa pada Jun lalu, telah berlangsung satu acara ilmiah yang sangat signifikan, iaitu Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i.

"UNISSA berbesar hati dapat bekerjasama bersama Jabatan Mufti Kerajaan menjadi penganjur persidangan ini bersempena 60 tahun penubuhan institusi fatwa di Negara Brunei Darussalam.

"Persidangan ini mengangkat tema 'Mazhab Syafii dalam Era Digital'.

"Sebanyak lebih 100 kertas pembentangan mengisi persidangan ini, di samping ia turut diisi dengan Persidangan Mufti-mufti Serantau yang julung-julung kalinya diadakan dirantau ini dan diikuti dengan Muzakarah Ulama Nusantara.

"Perhimpunan para mufti, tokoh ilmuwan dan sarjana dari negara serantau dan antarabangsa ini telah berupaya memperkasakan lagi peranan Mazhab Syafii dan institusi kefatwaan khususnya di rumpun Nusantara sebagai teras penting dalam membimbing umat di tengah arus digitalisasi yang pantas," terang beliau lagi.

Dalam perkembangan aktiviti aras antarabangsa yang lain pula, tambahnya, UNISSA komited untuk terus menjalin hubungan rapat dengan para aluminya, termasuklah alumni yang berada di luar negara.

Oleh itu, pada penghujung tahun 2024 Persatuan Alumni UNISSA Thailand Chapter telah dilancarkan, terangnya.

Jaringan tersebut, jelas Rektor UNISSA, setentunya akan membantu memperluas pengaruh dan mempromosi reputasi UNISSA khususnya di rantau Asia Tenggara.

- **FAKULTI Sains Halal dan Pelancongan Mampan akan mampu menghasilkan graduan berkebolehan tentang piawaian atau standard dalam industri halal serta pelancongan.**
- **UNISSA membuka lembaran baharu dengan menggunakan jalinan keakraban rakan strategik bagi memperkenalkan Program Ijazah Dual Sarjana Muda (Dual Degree Programme) secara kolaboratif.**
- **UNISSA mengambil langkah memperkukuh pelaksanaan kursus kokurikulumnya dengan penjenamaan baharu lebih progresif dikenali sebagai Framework for Integrating Knowledge, Readiness and Advancement (FIKRA).**
- **UNISSA melonjak ke tangga 201 dalam The World University Rankings for Innovation (WURI) 2025**
- **UNISSA mendapat pengiktirafan antarabangsa daripada Cambridge Islamic Finance Advisory (IFA).**

KEBAWAH DYMM AKAN ADAKAN KEBERANGKATAN NEGARA KE MALAYSIA

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat mengadakan Keberangkatan Negara ke Kuala Lumpur, Malaysia pada 26 Ogos 2025 dan menghadiri Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-26 di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia yang akan berlangsung pada 27 Ogos 2025.

Semasa Keberangkatan Negara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan mengadakan Majlis Mengadap bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim.

Baginda akan seterusnya mengadakan Majlis Perjumpaan bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim bagi Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-26 antara NBD dan Malaysia.

Perundingan Tahunan Ketua-ketua

Kerajaan NBD dan Malaysia yang telah diadakan sejak tahun 1997 merupakan wadah penting bagi kedua-dua negara untuk mengadakan perbincangan bagi meneliti kerjasama dua hala yang sedia ada serta menerokai potensi usaha sama di bidang-bidang baharu.

Perundingan tersebut diadakan secara bergilir, yang mana NBD telah mempengerusikan Perundingan Tahunan Kali Ke-25 pada 26 Ogos 2024.

Kali terakhir Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengadakan Keberangkatan Negara ke Malaysia ialah pada 2 hingga 4 Ogos 2023 sempena Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-24 antara NBD dan Malaysia.

NBD dan Malaysia menubuhkan hubungan diplomatik pada tahun 1984 dan menikmati kerjasama dua hala yang sangat baik di bidang ekonomi, pendidikan, pertahanan, kesihatan dan pertukaran di antara rakyat.

Kedua-dua negara juga bekerjasama rapat di peringkat serantau dan antarabangsa, melalui ASEAN, BIMP-EAGA, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Empat Mata bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada 26 Ogos 2024.

DPMM FC terlepas 3 mata berharga



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan perlawanan. Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah (atas dan atas kanan).

BERAKAS, Jumaat, 22 Ogos. - DPMM FC berputih mata apabila tumpas 0 - 5 menentang Terengganu FC pada siri Kejohanan Liga Super Malaysia Musim 2025 / 2026 yang berlangsung malam tadi, bertempat di Stadium Negara Hassan

Bolkiah, Berakas, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Dua gol bagi Terengganu FC dijangkan oleh Careca, manakala Nurillo Tukhtasinov, Yann Mabella dan Syahmi Zamri masing-masing menjaringkan satu gol.

Babak pertama perlawanan menyaksikan Terengganu FC dengan bijak mengawal permainan dan berjaya mengejutkan pasukan tuan rumah setelah menjaringkan gol pada saat ke-12 setelah permainan bermula menerusi pemain tengah asal Brazil, Careca



SEBAHAGIAN aksi perlawanan tersebut (kiri), manakala gambar atas, Pengurus DPMM FC, Jamie McAllister semasa berucap pada Sidang Media.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



yang membuat percubaan dari jarak jauh menewaskan penjaga gawang DPMM FC.

Pasukan pelawat terus lagi menguasai perlawanan dan seterusnya berjaya menggandakan jaringan pada minit ke-16 menerusi Nurillo Tukhtasinov.

Pemain sayap DPMM FC, Naziruddin Ismail hampir saja menjaringkan gol minit ke-24, setelah mendapat umpan di sayap kiri namun berjaya diselamatkan oleh penjaga gawang Terengganu FC, Suhaimi Husin.

Sepuluh masa kedua menyaksikan kedua-dua saling berbalas serangan namun nasib lebih berpihak kepada Terengganu FC dan berjaya menjaringkan gol menerusi sepakan penalti oleh Careca pada minit ke-74.

Terengganu FC terus lagi beraksi cemerlang dan seterusnya menjaringkan gol keempat setelah Yann Mabella melakukan gerakan bijak meninggalkan penjaga gawang DPMM FC dan menjaringkan gol dari jarak dekat pada minit ke-86.

Gol kelima bagi Terengganu FC pula dijangkan oleh Syahmi Zamri setelah menerima umpanan dari

sayap kiri pada minit ke-93.

Keputusan perlawanan kekal 0 - 5 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.

Pengurus DPMM FC, Jamie McAllister semasa berucap pada Sidang Media yang berlangsung setelah perlawanan, meluahkan rasa kecewanya di atas kekalahan tersebut.

"Jelas sekali saya merasa kecewa, kita bermain di gelanggang sendiri dan kalah, akan tetapi saya berasa lebih kecewa dengan prestasi permainan pasukan.

"Adalah penting untuk memulakan permainan dengan baik dan mereka (Terengganu FC) menunjukkan kepada para pemain bagaimana melakukan tekanan terus dari sepak mula, kami mahu bermain di luar tekanan berkenaan akan tetapi setelah 10 saat, kami memberikan mereka gol mudah," tambahnya.

Pengurus DPMM FC meminta maaf kepada peminat yang hadir pada malam tadi dan seterusnya menjelaskan DPMM FC akan berusaha untuk memperbaiki permainan pada perlawanan yang akan datang.



PELAJAR ISB RAIH KEPUTUSAN CEMERLANG IB

■ Siaran Akhbar dan Foto : International School Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Ogos. - Pelajar Tahun 13 dari International School Brunei (ISB) bagi Kohort 2025 telah mencapai keputusan cemerlang dalam Program International Baccalaureate (IB) Diploma. Pencapaian yang tertinggi diperoleh oleh kohort tersebut ialah 42 daripada 45 mata, manakala 43.5 peratus calon memperoleh 34 mata atau lebih.

Secara keseluruhan, purata keputusan Kohort Tahun 13 ISB ialah 33.5 mata di mana jauh mengatasi purata global sebanyak 30.58 mata. Kadar kelulusan kohort pula mencatatkan 92.3 peratus berbanding purata global iaitu 81.3 peratus.

Selain itu, purata gred yang dicapai ialah 5.2, melebihi purata global iaitu 4.9 dan pelajar juga memperoleh purata 5.3 mata lebih tinggi daripada ramalan asal mereka.

Turut mencapai keputusan cemerlang tersebut ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Program IB Diploma, yang diiktiraf secara meluas oleh universiti dan majikan di seluruh dunia sebagai kurikulum paling bernilai bagi pelajar berumur

16 hingga 18 tahun merupakan program dua tahun yang mencabar dan merangsang pemikiran kritikal, pembelajaran pelbagai disiplin dan pemahaman antara budaya. ISB telah menawarkan program ini sejak tahun 2001.

"Kami amat berbangga dengan pelajar Tahun 13 ISB Kohort 2025. Keputusan IB yang luar biasa ini adalah bukti dedikasi para pelajar, sokongan berterusan ibu bapa serta kepakaran guru-guru ISB yang bertaraf dunia," ujar Pengetua Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif ISB, Dominic Morley.

"Sekali lagi, purata skor yang dicapai oleh pelajar kami adalah jauh lebih tinggi daripada purata global, mengukuhkan lagi kedudukan ISB sebagai sekolah antarabangsa utama untuk pendidikan IB di negara ini. Markah purata IB kami tahun ini, iaitu 33.5 mata bersamaan dengan empat Gred A dalam 'A' Level.

"Graduan kami kini bersedia untuk melangkah ke universiti-universiti terkemuka di dunia. Kami mengucapkan selamat maju jaya kepada mereka dalam langkah seterusnya," ujarnya lagi.

Setiap pelajar dalam kohort yang memohon ke universiti pada tahun 2025 telah menerima tawaran, dengan 25 peratus tempat diperoleh di universiti



YANG Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan bergambar bersama para pelajar Tahun 13 dan guru-guru dari International School Brunei (ISB) bagi Kohort 2025.

dalam senarai 50 terbaik dunia, dan 66 peratus di universiti dalam senarai 250 terbaik dunia.

Lebih BND500,000 nilai biasiswa juga telah dianugerahkan kepada kohort setakat ini, menandakan pengiktirafan terhadap pencapaian mereka.

Di ISB, pelajar IB menerima bimbingan peribadi dalam bidang universiti dan kerjaya daripada pasukan prauniversiti sekolah. Kejayaan kohort ini menjadi bukti keberkesanan sokongan tersebut.

Keputusan IB yang dicapai oleh Kohort Tahun 13, Tahun

2025 menegaskan lagi rekod kecemerlangan akademik ISB sebagai sebuah sekolah inklusif, dan memperkukuhkan kedudukan ISB sebagai pilihan utama bagi pendidikan IB di Negara Brunei Darussalam dan melahirkan pelajar yang bersedia untuk berjaya di pentas dunia.

BIBD terus catat pertumbuhan stabil di sebalik cabaran pasaran

■ Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Jumaat, 22 Ogos. - Meskipun berdepan dengan persekitaran operasi yang mencabar akibat ketidakpastian global, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan anak-anak syarikatnya (Kumpulan BIBD) kekal kukuh dari segi asas kewangan sambil mengekalkan pandangan jangka panjang.

Kumpulan ini terus melabur dalam bidang baharu seperti perbankan digital, meletakkan asas untuk pertumbuhan masa depan, mengukuhkan daya tahan serta menyokong pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat.

Sehubungan itu, Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) 2025 BIBD yang berlangsung hari ini mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai rakan kongsi yang berdaya tahan dalam memajukan kemajuan ekonomi Negara Brunei Darussalam (NBD).

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BIBD semasa mesyuarat berkenaan menekankan peranan penting BIBD dalam memacu kelestarian ekonomi negara.

Pada tahun 2024, Kumpulan BIBD mencatatkan keuntungan bersih sebanyak BND153.9 jutadan mengekalkan penarafan A-(Stabil) daripada S&P Global, yang telah dikekalkan sejak tahun 2015.

"Dalam suasana ekonomi yang masih mencabar, BIBD terus menunjukkan prestasi yang stabil dan berdaya tahan. Penarafan A-dengan unjuran stabil oleh S&P Global dikekalkan bagi tahun 2024, mencerminkan kedudukan kukuh BIBD dari segi modal, pengurusan risiko dan kecekapan operasi. Ini disokong oleh Nisbah Kecukupan Modal Tahap 1 (Tier 1 Capital

Adequacy Ratio) sebanyak 17.9 peratus serta asas deposit yang kukuh," jelas Yang Berhormat pada mesyuarat yang berlangsung di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei.

Kunci kira-kira dan kualiti aset Kumpulan BIBD kekal teguh, mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai rakan kewangan yang dipercayai dengan peranan yang semakin berkembang dalam ekonomi.

Jumlah aset telah meningkat sebanyak 8 peratus kepada BND11.2 bilion, mencerminkan kedudukan kukuh Kumpulan BIBD dan keupayaannya untuk menjana pendapatan yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Pertumbuhan ini, bersama-sama dengan trend pengurangan tunggakan pinjaman, disokong oleh amalan pengurusan risiko yang berhemat dan tadbir urus yang mantap.

BIBD juga telah aktif menyokong masyarakat NBD melalui pelbagai program yang disasarkan sambil terus melabur secara signifikan dalam infrastruktur teknologi maklumat digital. Penambahbaikan ini, yang akan dilaksanakan secara berperingkat selaras dengan pemodenan platform, akan membolehkan BIBD bersaing setara dengan piawai global.

Pelaburan ini juga mengukuhkan tahap keselamatan siber dan langkah-langkah perlindungan data peribadi Kumpulan BIBD, memastikan BIBD kekal kompetitif dan selamat dalam era perkembangan pesat teknologi perbankan digital.

Selaras dengan visinya untuk terus berada di barisan hadapan dalam inovasi, Kumpulan BIBD mengutamakan pengalaman pelanggan yang selamat dan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) berucap pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) 2025 BIBD (atas), manakala gambar bawah kiri, antara yang menghadiri mesyuarat berkenaan.

lancar melalui pengenalan platform e-KYC baharu, identiti digital, danteknologi tandatangan digital, di samping penggunaan AI yang boleh dijelaskan (*explainable AI*) bagi menyampaikan penyelesaian perbankan-Islam yang inklusif.

Inisiatif-inisiatif ini mula diperkenalkan di peringkat anak syarikat dan akan diperluaskan secara berperingkat ke seluruh Kumpulan BIBD apabila keberkesanannya semakin matang.

Usaha-usaha ini menyerlahkan komitmen Kumpulan BIBD untuk memelihara kepercayaan pelanggan sambil meneroka trend baharu dan memperkukuh daya saingnya berbanding rakan serantau yang terkemuka.

Semasa mesyuarat berkenaan, para pemegang saham telah mengesahkan penyata kewangan audit bank bagi tahun berakhir 2024, yang mencerminkan prestasi

cemerlang Kumpulan BIBD dalam persekitaran yang mencabar.

Para pemegang saham turut meluluskan dividen akhir sebanyak 14.0 sen (BND0.14) bagi setiap saham biasa, menandakan komitmen BIBD untuk memberi pulangan dan nilai kepada para pemegang saham yang dihargai.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri memuji warga kerja pasukan atas dedikasi dan pencapaian cemerlang mereka sepanjang tahun lalu.

Beliau juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak berkepentingan utama BIBD-Autoriti Monetari Brunei Darussalam, para pelanggan, klien dan pemegang saham, yang sokongan berterusan mereka amat penting bagi pertumbuhan dan kejayaan berterusan BIBD.



RAPTAI PENUH PASTIKAN KELANCARAN MAJLIS RAMAH MESRA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir bagi menyaksikan raptai penuh berkenaan. Juga berangkat dan hadir ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar dan Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet (kiri), manakala gambar kanan, antara yang terlibat pada raptai berkenaan.

TEMBURONG, Rabu, 20 Ogos. - Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Temburong bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun

2025 akan diadakan pada 24 Ogos ini.

Sehubungan itu, raptai penuh bagi majlis tersebut telah diadakan hari ini di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Temburong, Pekan Bangar.

Hadir bagi menyaksikan raptai penuh berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa

Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 bagi Tahun 2025.

Juga berangkat dan hadir ialah Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar;

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Pg. Muhammad Kamarularifin
Pg. Roslan, Shahwal Ibrahim Tajudin



Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia

Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Pemangku Pegawai Daerah Temburong dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-79 Tahun bagi Daerah Temburong.

Meterai MoU kerjasama dalam pelbagai bidang



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan penandatanganan MoU tersebut (atas dan kanan).

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BERAKAS, Rabu, 20 Ogos. - BNH Medical Centre Ltd. of Kementerian Kesihatan dan Jerudong Park memeterai Memorandum Medical Centre (JPMC) bagi Persefahaman (MoU) bersama kerjasama dalam beberapa

bidang.

Bidang-bidang kerjasama yang dipersetujui melalui MoU ini merangkumi pertukaran doktor, jururawat dan profesional perubatan; pelaksanaan program latihan dan seminar; projek-projek penyelidikan dan perkembangan; program pendidikan serta lain-lain bidang yang bersesuaian termasuk penghantaran pesakit untuk menjalani rawatan di BNH Medical Centre Ltd.

Sehubungan itu, Majlis Penandatanganan MoU tersebut berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat untuk menyaksikan penandatanganan MoU tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Ketua Guru U gama, Jabatan Perkhidmatan Renal, Awang Haji Mohammad Azmi bin Haji Tapau.

Penandatanganan MoU bagi pihak Kementerian Kesihatan telah disempurnakan oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif dan disaksikan oleh Pengarah Dasar dan Perancangan, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Adi Itham bin Dato Paduka Haji Mahmud.

Bagi pihak BNH Medical Centre Ltd., MoU ditandatangani oleh Pengarah Hospital, Dr. Nopparat Panthongwiriyaikul dan disaksikan oleh Pengarah Pemasaran dan Perhubungan Awam, Mr. Thanasit Siripokhakul.

Sementara itu, menandatangani



MoU bagi pihak JPMC ialah Ketua Pegawai Perubatan, Dr. Meera Sahib Kabeer dan disaksikan oleh Ketua Pegawai Kewangan, JPMC, Bun Pei Ling manakala pihak Medical Centre Ltd. diwakili oleh Dr. Nopparat Panthongwiriyaikul dan disaksikan oleh Mr. Thanasit Siripokhakul.

Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan daripada Kementerian Kesihatan, JPMC serta BNH Medical Centre Ltd. of Thailand.

HALUAN

>> Muka 2

Sebelum saya membuat kesimpulan, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Negara-negara anggota ASEAN, Rakan Dialog Australia, Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea, Timor-Leste, dan Sekretariat ASEAN atas kehadiran dan sumbangan awda yang dihargai.

Saya juga ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada NBD bagi menguruskan 28th DGICM dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan. Saya yakin bahawa kerjasama berterusan kita akan menyumbang secara bermakna kepada visi sebuah Komuniti ASEAN yang selamat dan terjamin.

Dengan kalimah, *Bismillahir Rahmanir Rahim*, saya dengan ini merasmikan Majlis Pembukaan Rasmi 28th DGICM dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan.

Wabillahir Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Harga runcit komoditi makanan
utama terpilih kini tersedia**

Sila muat turun

PenggunaBijak



Download on the App Store | Get it on Google Play

NBD, Timor-Leste kukuhkan hubungan pertahanan dua hala

REPUBLIK DEMOKRATIK TIMOR-LESTE, Khamis, 21 Ogos. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof baru-baru ini mengetuai delegasi dari Kementerian Pertahanan Brunei Darussalam bagi menghadiri The

50th Anniversary of the Armed Forces for the National Liberation of Timor-Leste (FALINTIL) yang berlangsung di Dili, Republik Demokratik Timor-Leste dari 19 hingga 21 Ogos 2025.

Rombongan Kementerian Pertahanan ke upacara tersebut disertai oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri

PERJUMPAAN dua hala di antara Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; dan Menteri Pertahanan Timor-Leste, Yang Berhormat Laksamana Muda Donaciano Costa Gomes 'Pedro Klamar Fuik', Ph.D.

Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Kuasausaha Sementara, Kedutaan Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Republik Demokratik Timor-Leste, Awang Mohammad Dino bin Haji Ayup, dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan.

Upacara pada Rabu, 20 Ogos 2025 dimulakan dengan Persidangan Antarabangsa yang diadakan di Dewan Utama, Kementerian Luar Negeri dan Kerjasama (MNEC) yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Kay Rala Xanana Gusmao, diikuti dengan 'Remembrance Ceremony for the unknown soldier'.

Sambutan utama berlangsung selepas jamuan tengah hari di Largo de Tasi Tolu, dengan menampilkan Perbarisan Ketenteraan dan ucapan oleh Presiden Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama

PERBARISAN Ketenteraan sempena The 50th Anniversary of the Armed Forces for the National Liberation of Timor-Leste (FALINTIL).



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

José Ramos-Horta.

Upacara bersejarah ini turut dihadiri oleh wakil tertinggi pertahanan dan ketenteraan, para veteran, anggota tentera dan diplomat dari seluruh dunia serta penduduk dan orang ramai.

FALINTIL dengan tema 'Extending Peace to the World', merupakan satu peristiwa penting dalam sejarah Timor-Leste, memperingati lima dekad sejak penubuhan gerakan bersenjata penentangan kemerdekaannya.

Acara ini memberikan penghormatan kepada para veteran dan pejuang yang gugur mengorbankan nyawa demi kebebasan negara, memperkukuhkan legasi sejarah serta semangat patriotik merentas generasi, dan mencerminkan perjalanan Timor-Leste daripada

konflik menuju keamanan dan pembinaan negara.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga berkesempatan mengadakan pertemuan dengan Menteri Pertahanan Timor-Leste, Yang Berhormat Laksamana Muda Donaciano Costa Gomes 'Pedro Klamar Fuik', Ph.D., di Bangunan Kementerian Pertahanan pada pagi tadi, di mana kedua-dua pihak membincangkan hal ehwal pertahanan serta isu-isu keselamatan serantau yang menjadi kepentingan bersama.

Lawatan ini mencerminkan sokongan berterusan NBD terhadap Timor-Leste dan mengukuhkan hubungan pertahanan dua hala ke arah keamanan dan kestabilan serantau.

LELAKI PUAKE DUSUN TERIMA HIDAYAH ISLAM

TUTONG, Jumaat, 22 Ogos. - Seorang lelaki daripada Puak Dusun, Awang Shaidin bin Yating, 36, telah melafazkan dua kalimah syahadah dan secara rasmi memeluk agama Islam dalam Majlis Pengislaman yang berlangsung pagi tadi di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan majlis tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dan suami.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah secara beramai-ramai yang dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin.

Kemuncak majlis menyaksikan Awang Shaidin melafazkan dua kalimah syahadah dan mengekalkan nama Islamnya sebagai Awang Shaidin bin Yating.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian cenderahati daripada tetamu kehormat dan Pusat Da'wah Islamiah (PDI), diikuti Dikir Marhaban, menabur bunga rampai, bacaan Doa Selamat dan sesi bergambar ramai.

Majlis tersebut diadakan bagi meraikan saudara baharu yang memilih Islam sebagai jalan hidup, menyemarakkan semangat ukhuwah Islamiah dalam kalangan masyarakat, serta memberi sokongan moral kepada mereka dalam menjalani kehidupan

YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan cenderahati kepada Awang Shaidin bin Yating.

berlandaskan ajaran Islam.

Penganjuran majlis tersebut juga mencerminkan komitmen berterusan PDI dalam memperluaskan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.

Menurut statistik, seramai 148 individu telah memeluk Islam dari Januari hingga Julai 2025, dengan 43 daripadanya dari Daerah Tutong, sekali gus menunjukkan perkembangan positif usaha dakwah di peringkat daerah.

PDI akan terus memperkukuh program bimbingan kepada saudara baharu agar mereka dapat mendalami ilmu dan mengamalkan ajaran Islam dengan penuh keyakinan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian

AWANG Shaidin melafazkan dua kalimah syahadah dan mengekalkan nama Islamnya sebagai Awang Shaidin bin Yating (kiri). Manakala gambar kanan, Dikir Marhaban turut menyerikan majlis tersebut.



■ Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Haji Ahmad; Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat) Kementerian

Pendidikan, Pengiran Dr. Mohammad Iskandar bin Pengiran Haji Petra; Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman serta Ketua Kampung Lamunin, Awang Saini bin Haji Othman.



KUNJUNGAN MUHIBAH SAMPAIKAN PERKEMBANGAN AFSA DALAM MENYANTUNI RS



Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Aftercare Support Association

BANDAR SERI BEGAWAN, (AFSA) baru-baru ini Rabu, 20 Ogos - Persatuan mengadakan kunjungan muhibah Aftercare Support Association kepada Menteri Hal Ehwal

PERSATUAN Aftercare Support Association (AFSA) mengadakan kunjungan muhibah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman dan Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dayang Nor Hamidah binti Haji Hamidon, di Ibu Pejabat KHEDN, di sini.

Antara tujuan utama kunjungan

muhibah ini ialah bagi menyampaikan informasi, perkembangan, rancangan dan pencapaian AFSA dalam menyantuni Rakan Seliaan (RS) sehingga kini.

Mewakili AFSA pada kunjungan muhibah berkenaan ialah Yang Dipertua AFSA, Dayang Hajah Juhana binti Haji Muhd. Jaya; Timbalan Yang Dipertua AFSA, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri; Setiausaha AFSA, Awang Haji Mahali bin Haji Hassan, dan Multi Media AFSA, Pailine Wong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Haji Mahali bin Haji Hassan, dan seterusnya taklimat disampaikan oleh Yang Dipertua AFSA.

Alhamdulillah, kunjungan

berkenaan telah mendapat sokongan padu dari Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat juga merakamkan ucapan terima kasih di atas usaha dan komitmen AFSA dalam menyantuni dan menangani isu-isu RS berkenaan dan juga menzahirkan akan sentiasa memberikan sokongan dan membantu pihak AFSA dari masa ke semasa.

Semasa kunjungan muhibah tersebut, pihak AFSA menzahirkan ucapan terima kasih di atas kesudian Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kerana meluangkan masa dan mengongsikan beberapa tip bagi mengembang dan memajukan AFSA ke tahap yang lebih berjaya lagi.

MPABD, UBD meterai kerjasama dalam bidang maritim

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

MUARA, Khamis, 21 Ogos. - Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) petang tadi menandatangani secara rasmi Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama dalam bidang maritim yang menumpukan kepada Ballast Water Management Convention.

Majlis penandatanganan tersebut berlangsung di Dewan Seri Kerna, Ibu Pejabat MPABD, di sini.

Hadir menyaksikan majlis berkenaan ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, merangkap Pengerusi MPABD.

MoU tersebut ditandatangani oleh Ketua Eksekutif MPABD, Kapten (B) Zil Husam bin Haji Abdul Rahman dan Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Turut menandatangani sebagai saksi ialah Pemangku Ketua Pelabuhan MPABD, Kapten Basza Alexzandar bin Haji Basri dan Penolong Naib Canselor

(Penyelidikan, Inovasi dan Kelestarian) UBD, Dr. Haji Abdul Hanif bin Dato Paduka Haji Mahadi.

MoU ini menyediakan rangka kerjasama dengan objektif untuk memperkukuhkan kolaborasi dalam penyelidikan, pendidikan dan operasi maritim.

Kerjasama ini akan mewujudkan keupayaan ujian Ballast Water Management Convention yang kukuh di makmal UBD, sebagai langkah penting bagi memastikan pematuhan Brunei terhadap konvensyen antarabangsa tersebut. Ia juga membuka jalan bagi memperkembangkan penyelidikan gunaan dan pemantauan dalam perairan Brunei.

Selain itu, kerjasama ini turut menyediakan peluang penempatan praktikal serta projek pascasiswazah yang memberi manfaat langsung kepada para pelajar melalui pengalaman praktikal dan bidang penyelidikan.

Akhir sekali, ia menumpukan kepada pengukuhan kapasiti makmal dan jaminan kualiti bagi meningkatkan infrastruktur penyelidikan UBD serta



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi merangkap Pengerusi Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) menyaksikan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman tersebut.

menyokong usaha saintifik semasa dan masa depan.

Selain itu, perjanjian ini turut membuka jalan bagi kerjasama yang lebih luas, termasuk pembangunan program akademik baharu, inisiatif penyelidikan bersama, penglibatan institusi, peluang latihan, serta penubuhan kemudahan makmal bersama khusus di UBD. Inisiatif-inisiatif ini

bertujuan untuk memperkukuhkan keupayaan maritim dan mempromosikan pembangunan maritim yang mampan.

Kerjasama ini juga menyokong usaha Brunei Darussalam untuk meratifikasi International Maritime Organization's (IMO) Ballast Water Management Convention. Usaha ini dicapai dengan menyelaraskan piawaian dan proses pensijilan

mengikut keperluan konvensyen tersebut.

Inisiatif ini penting dalam membina kapasiti ujian bersama UBD dengan menyediakan infrastruktur yang diperlukan untuk pengurusan air ballast yang berkesan.

Akhirnya, ia memastikan kesediaan pihak berkepentingan dengan memberikan panduan serta sokongan yang sewajarnya untuk mematuhi peraturan antarabangsa.

MoU ini merupakan langkah penting ke arah pelaksanaan konvensyen maritim antarabangsa dan mempromosikan pembangunan maritim yang mampan di Brunei Darussalam.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) MTIC, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) MTIC, Dayang Mazriyani binti Haji Abdul Ghani serta Ahli-ahli Lembaga MPABD, pegawai-pegawai kanan daripada agensi kerajaan serta wakil-wakil dari UBD.

Customer Service Hub MPABD dilancarkan



MUARA, Khamis, 21 Ogos. - Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) secara rasmi telah melancarkan Customer Service Hub (CSH) baharu dalam satu majlis yang

berlangsung di Dewan Seri Kerna, Ibu Pejabat MPABD, Muara petang tadi.

Pelancaran telah disempurnakan oleh tetamu kehormat, Menteri Pengangkutan

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi merangkap Pengerusi MPABD melancarkan Customer Service Hub baharu.

dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha merangkap Pengerusi MPABD.

Majlis dimulakan dengan upacara pemotongan reben oleh tetamu kehormat, diikuti dengan lawatan ke fasiliti CSH.

Acara diakhiri dengan penandatanganan plak peringatan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi sebagai simbolik perasmian rasmi hab tersebut.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin

Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) MTIC, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) MTIC, Dayang Mazriyani binti Haji Abdul Ghani; dan Ahli-ahli Lembaga MPABD serta pegawai kanan dari agensi-agensi kerajaan.

Penubuhan CSH bertujuan menyediakan pusat sehati bagi pelanggan untuk sebarang pertanyaan atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh MPABD, di samping melengkapi pelbagai perkhidmatan atas talian yang sedia ada melalui platform digital Maritime Single Window (MSW).

Dengan menghimpunkan fungsi penting di bawah satu bumbung, CSH dapat memberikan pengalaman pelanggan yang lebih cekap dan lancar, di samping menjadi pusat rujukan bagi pertanyaan serta maklumat menyeluruh.

Inisiatif ini adalah sebahagian

daripada strategi perniagaan MPABD untuk meningkatkan ketercapaian, kecekapan dan kepuasan pelanggan melalui struktur perkhidmatan yang bersepadu.

Orang ramai kini boleh mengunjungi CSH yang terletak di Aras Bawah, Ibu Pejabat MPABD, Muara. Orang ramai kini boleh mengunjungi CSH yang terletak di Aras Bawah, Ibu Pejabat MPABD, Muara. Waktu operasi bagi kaunter perkhidmatan Ship Registration & Seafarers' Affairs; Maritime Training & Standards Division; Licensing & Permit Section dan Survey Section bermula 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 4.30 petang pada Isnin hingga Khamis. Manakala Jumaat, kaunter-kaunter tersebut dibuka pada jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Bagi kaunter Port Clearance Section dibuka setiap hari dari Isnin hingga Ahad, pada jam 7.30 pagi hingga 5.00 petang.

YSHHB SUMBANG BANTUAN KEWANGAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Ogos. - Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) ialah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda iaitu sebagai tanda pemeduliaan dan kasih baginda kepada rakyat baginda di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang sejahtera dan makmur.

Sehubungan itu, YSHHB menyampaikan sumbangan keseluruhannya berjumlah BND42,050 kepada 10 keluarga yang terlibat dalam kebakaran dan bencana alam serta Ar-Razaq Kifayah Management dan Masjid Kampung Penapar, Mukim Tanjong Maya Tutong. Majlis penyampaian sumbangan diadakan di Ibu Pejabat YSHHB, Jalan Perdana Menteri.

Hadir menyampaikan kesemua sumbangan kewangan YSHHB ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad yang juga selaku Ahli Lembaga Pengarah dan

Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan - bantuan YSHHB.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak yang juga selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Bagi sumbangan mangsa kebakaran dan bencana alam, selaras dengan dasar penubuhannya, YSHHB terus melaksanakan aktiviti kebajikan khususnya membantu mereka yang sangat memerlukannya.

YSHHB menyampaikan sumbangan kewangan berjumlah BND14,250 kepada 10 keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah dan bencana alam di beberapa buah kampung di seluruh negara.

Menerima sumbangan bagi musibah kebakaran ialah Pengiran Mohammad Aide Suhardi bin Pengiran Suhaimi, Teres Lumut 2, Kuala Belait manakala Dayang Mazriyati binti Mohd. Sufyan, Kampung Peramu pula menerima sumbangan bagi rumah roboh.

Sementara itu, menerima sumbangan akibat angin kencang pula terdiri daripada Awang Mohammad Daud bin Haji Umar, Kampung Junjongan; Awang Haji Akup bin Haji Matnor, Kampung

Sengkurong; Awang Hassim bin Hassan, Kampung Pekan Lama; Awang Sufian bin Tuah, Kampung Junjongan; Awang Nayan@Muhammad Izzuddin bin Rajab, Kampung Selayun Sengkurong; Awang Tamin bin Tangkim, Kampung Belimbing Subok; Dayang Noorlila binti Haji Rosli, Kampung Selayun Sengkurong dan Dayang Noraisah binti Aris / Rais, Kampung Junjongan.

Sumbangan tersebut merupakan bantuan segera dihasratkan bagi meringankan beban keluarga mangsa yang terlibat dalam meneruskan kehidupan harian mereka.

Pada majlis itu, YSHHB juga menyampaikan sumbangan kewangan berjumlah BND6,000 kepada Ar-Razaq Kifayah Management bagi tujuan menaja sebahagian perbelanjaan untuk mengadakan Konvensyen Pemimpin Muda Brunei 2025 pada 9 September 2025 hingga 11 September 2025.

Sumbangan tersebut merupakan sokongan YSHHB untuk mendukung salah satu objektif penubuhannya iaitu bagi mempertingkatkan penglibatan dan penyertaan belia dalam pembangunan masyarakat melalui penganjuran program-program pembangunan kemasyarakatan dan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang juga selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Meneliti Bantuan-bantuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) hadir menyampaikan sumbangan kewangan YSHHB kepada penerima.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

sosiobudaya.

Sumbangan diterima oleh Pengerusi Konvensyen Pemimpin Muda Belia, Dayangku Fatin Nur Masayuni Safwana binti Pengiran Roslan.

Dalam usaha menyokong peranan masjid dan memberikan kemudahan kepada masyarakat khususnya dalam urusan hal ehwal kematian, YSHHB seterusnya memberikan

sumbangan kewangan berjumlah BND21,800 kepada Masjid Kampung Penapar, Mukim Tanjong Maya, Daerah Tutong, bagi pembinaan bilik pengurusan jenazah di masjid tersebut.

Sumbangan diterima oleh Imam Masjid Kampung Penapar, Mukim Tanjong Maya, Daerah Tutong, Awang Mohd. Abd. Wafiy bin Haji Abd. Kadiroshman.

195 rekrut lelaki tamat latihan diraikan



PEMERINTAH TDDDB semasa berucap pada majlis berkenaan.

TUTONG, Jumaat, 22 Ogos. - Seramai 195 Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-177 dengan jayanya telah menamatkan Latihan Asas Ketenteraan mereka melalui Upacara Perbarisan Tamat Latihan yang diadakan di Padang Kawad Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (IL ABDB), Penanjong Garison, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada upacara tersebut ialah Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB), Brigedier Jeneral Aldi bin Haji Hassan.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Pemerintah Angkatan Tentera, pegawai - pegawai kanan, pegawai-pegawai serta anggota dari Kementerian Pertahanan bersama isteri berserta keluarga dan penjaga anggota-anggota rekrut yang diraikan.



UPACARA Perbarisan Tamat Latihan yang diadakan di Padang Kawad Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (IL ABDB), Penanjong Garison.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hasif Matzin

Upacara dimulakan dengan pemeriksaan perbarisan oleh tetamu kehormat, disusuli dengan penyampaian ucapan.

Dalam ucapannya, beliau menzahirkan tahniah kepada Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-177 yang berjaya menamatkan latihan asas ketenteraan. Beliau turut mengingatkan para rekrut untuk mengekalkan nilai teras ABDB, di samping berdisiplin, menimba ilmu dan setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta negara.

Dengan itu, ABDB diyakini akan terus berwibawa dan sentiasa bersedia menghadapi cabaran keselamatan masa kini dan akan datang. Sebagai penghargaan atas kecemerlangan sepanjang latihan, beberapa anugerah telah disampaikan kepada rekrut dan jurulatih dalam kategori masing-masing.

Bagi Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-177, Rekrut Dazraan bin Dahlan telah dinobatkan sebagai Rekrut Terbaik Keseluruhan, manakala Rekrut Mohammad Qamarul Islam Fadlullah bin Mohammad Bakhtiar menerima Anugerah Terbaik dalam Kemahiran Ketenteraan.

Bagi Kategori Terbaik dalam Latihan Senjata Ringan, anugerah telah diberikan kepada Rekrut (U) Mohammad Syahmi bin Mohammad Shah, sementara Rekrut Muhammad Nurfadhilah

PEMERINTAH Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB) hadir selaku tetamu kehormat pada upacara tersebut.

Fid'aisy bin Zainur Riza dianugerahkan sebagai Terbaik dalam Latihan Jasmani.

Selain itu, Koperal Muhammad Amin Redzwan bin Dudy Irawan dipilih untuk menerima Anugerah Ketua Seksyen Terbaik dan Sarjan (U) Muhammad Daniah bin Fidzan dipilih sebagai Platun Sarjan Terbaik atas kepimpinan dan komitmen cemerlang yang diperlihatkan di sepanjang latihan.

Upacara diakhiri dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Kapten Awangku Muhammad Nur Hafizan bin Pengiran Haji Hasan



dari Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT).

Upacara Perbarisan Tamat Latihan ini bukan sahaja menandakan berakhirnya latihan asas ketenteraan tetapi turut

meraikan perjalanan transformasi mereka menjadi anggota tentera ABDB sepenuhnya, bersedia untuk memikul amanah mempertahankan kedaulatan Negara Brunei Darussalam.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Pembangunan Ekonomi Digital: Peluang dan Cabaran'. Tarikh Tutup : 27 Ogos 2025
- 2.'Penyebaran Maklumat Palsu: Cabaran Dunia Digital Masa Kini'. Tarikh Tutup : 3 September 2025
- 3.'Peranan Guru Dalam Membangunkan Modal Insan Berkualiti'. Tarikh Tutup : 10 September 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaja jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Menggalakkan pertumbuhan inklusif dalam era digital

YANG Berhormat Peguam Negara menghadiri Forum Undang-undang ASEAN 2025 dari 19 Ogos 2025 hingga 21 Ogos 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Malaysia.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Ogos. - Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib dan pegawai-pegawai dari Pejabat Peguam Negara baru-baru ini menghadiri Forum Undang-undang ASEAN 2025 dari 19 Ogos 2025 hingga 21 Ogos 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Malaysia.

Pembukaan Forum Undang-undang ASEAN 2025, yang dianjurkan oleh Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN, telah dilancarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Othman Said pada 19 Ogos 2025.

Forum ini telah dihadiri oleh Menteri dan Timbalan Menteri Undang-undang ASEAN, serta Menteri Undang-undang Republik Demokratik Timor-Leste, bersama pegawai undang-undang kanan ASEAN dan pegawai tinggi Rakan Dialog ASEAN termasuk Timbalan Menteri Kehakiman Negara Jepun,

serta pakar undang-undang antarabangsa seperti Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa - bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Perdagangan Antarabangsa (UNCITRAL), Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia, dan Institut Penyelidikan Ekonomi bagi ASEAN dan Asia Timur (ERIA).

Melalui sesi plenari dan sesi selari tematik, Forum Undang-undang ASEAN 2025 telah mengadakan perbincangan peringkat tinggi dengan objektif menyediakan platform dialog untuk mempertingkatkan akses kepada keadilan, mengukuhkan kerjasama undang - undang dan menggalakkan pertumbuhan inklusif dalam era digital.

Forum berkenaan menghimpunkan pegawai,

pengamal dan pakar undang-undang, penggubal dasar serta pihak berkepentingan dari Negara-negara Anggota ASEAN dan rakan dialog untuk mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai isu-isu semasa berkaitan sistem undang-undang ASEAN dalam usaha untuk mengukuhkan kerjasama dan kedaulatan undang-undang, serta membina Komuniti ASEAN yang inklusif, berdaya tahan dan bersedia menghadapi masa hadapan.

Sejajar dengan tema 'Mempertingkatkan Akses kepada Keadilan dalam Komuniti Ekonomi ASEAN: Merapatkan Kerjasama Undang - undang untuk Pertumbuhan Inklusif', Forum tersebut turut memfokuskan mengenai memajukan timbang

Siaran Akhbar dan Foto : Pejabat Peguam Negara

tara dan mediasi perdagangan antarabangsa sebagai tambahan bagi menangani pelbagai isu dan cabaran undang-undang kontemporari secara menyeluruh dalam bidang berkaitan insolvensi rentas sempadan, keselamatan dalam talian, jenayah berkaitan siber, inovasi undang-undang berasaskan Kecerdasan Buatan (AI), dan tadbir urus yang baik.

Hasil utama Forum Undang-undang ASEAN 2025 ialah pengesahan Kenyataan Bersama mengenai Pembangunan Timbang Tara dan Mediasi Perdagangan Antarabangsa oleh Menteri-menteri Undang-undang ASEAN pada 21 Ogos 2025, sebagaimana yang disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang

Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Turut hadir pada upacara pengesahan tersebut ialah Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dr. Kao Kim Hourn.

Kenyataan Bersama tersebut mengisytiharkan dan mengiktiraf komitmen dalam bidang penting seperti pembangunan ekonomi serantau melalui penjajaran dengan piawaian antarabangsa sedia ada, memanfaatkan inovasi dan teknologi serta mempertingkatkan akses kepada keadilan.

Selain itu, Kenyataan Bersama ini juga merupakan antara hasil utama Malaysia sebagai pengerusi ASEAN pada tahun 2025.



YSHHB HULUR SUMBANGAN BAGI MEMPERTINGKATKAN SYIAR ISLAM

Oleh : Pg. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi
Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah hadir dan seterusnya menyerahkan sumbangan kepada penerima (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Ogos. - Seiring dengan pendekatan senegara yang mantap Whole of Nation Approach dalam bekerjasama dengan beberapa agensi yang berkepentingan bagi mempertingkatkan syiar Islam di negara ini, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) melalui Program Memakmurkan Masjid telah menyampaikan sumbangan kepada beberapa buah masjid, surau dan balai ibadat di seluruh

negara, petang tadi.

YSHHB memberikan sumbangan keseluruhannya berjumlah BND74,500 kepada sebahagian masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara khusus bagi mengadakan majlis atau aktiviti sempena Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.

Majlis penyampaian sumbangan berlangsung di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks YSHHB, di sini.

Sebanyak 72 masjid, surau dan balai ibadat menerima sumbangan kewangan tersebut, iaitu 28 buah di Daerah Brunei dan Muara; tujuh buah di Daerah Belait; 24 buah di Daerah Tutong dan 13 buah di Daerah Temburong. Sumbangan-sumbangan tersebut diterima oleh imam-imam masjid, surau dan balai ibadat berkenaan.

Sumbangan kepada masjid, surau dan balai ibadat disampaikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato

Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Penubuhan YSHHB ialah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli kerabat baginda iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.



UNISSA METERAI MOU, MOA BERSAMA IPT LUAR NEGARA



MENANDATANGANI Memorandum Persefahaman (MoU) bagi pihak Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) ialah Rektor UNISSA bersama ketua-ketua perwakilan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sunway (kiri dan kanan).

Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, UNISSA dan Kuliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang diwakili oleh Rektor UIAM, Profesor Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar.

Manakala, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA yang akan bekerjasama dengan Fakulti Kewangan Antarabangsa, Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang diwakili oleh Penolong Vice Chancellor, Profesor Dr. Mohd Saffree Jeffree. Seterusnya, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, UNISSA dan Universiti Sunway yang diwakili oleh Profesor Sibrandes Poppema selaku Presiden.

Dengan penandatanganan MoA bersama UMS dan UIAM, UNISSA bakal memperkenalkan Program



Ijazah Dual Sarjana Muda (Dual Degree Programme) secara kolaboratif dimana program tersebut akan membuka ruang kepada para pelajar untuk menerima dua kelayakan akademik daripada dua universiti rentas sempadan yang akan memulakan penawarannya pada Sesi Pengajian 2025/2026.

Strategi ini merupakan usaha UNISSA dalam pemantapan kurikulum dan jalinan kerjasama dalam bidang pertukaran tenaga akademik, pelajar, penyelidikan,

penerbitan dan khidmat masyarakat.

Dengan termeterainya penandatanganan bersama institusi-institusi pengajian tinggi luar negara tersebut maka pelbagai inisiatif penting UNISSA bagi para pelajar akan terlaksana khususnya dalam memperoleh pendedahan serantau dan global, disamping mengasah daya kepimpinan untuk memimpin perubahan di masa hadapan dan juga prospek pasaran kerja yang lebih luas.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Ogos. - Bersempena Hafl Al-Takharruj Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Ke-15 memperluas jaringan kerjasama melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) bersama beberapa buah institusi-institusi pengajian luar yang ikut menghadiri Majlis Hafl Al-Takharruj UNISSA Kali ke-15,

Tahun 2025 di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Menandatangani MoU bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal, bersama ketua-ketua perwakilan Innovative University College (IUC), Malaysia dan Universitas Madani Yogyakarta, Indonesia.

Sementara penandatanganan MoA turut dilaksanakan di antara

Sentiasa waspada, patuhi undang-undang lalu lintas



SIDANG Media tersebut disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Ogos. - Sebagai usaha berterusan dalam meningkatkan kesedaran orang awam mengenai keselamatan jalan raya di Negara Brunei Darussalam (NBD), Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) pagi tadi mengadakan Sidang Media berlangsung di Bangunan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), di sini.

Sidang Media tersebut disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) MTIC, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar juga selaku Setiausaha MKKJR.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas, Pasukan Polis Diraja Brunei, Senior Superintendent Pang Teck Ann dan Pemangku Pengarah Pengangkutan Darat, Awang Ridzuan bin Haji Ahmad.

Sidang Media tersebut mengongsikan statistik kadar kemalangan, perangkaan kemalangan dan kesalahan-kesalahan lalu lintas jalan raya serta

perangkaan kenderaan yang diambil tindakan dan dikenakan kompaun.

Statistik kemalangan sepanjang lima tahun kebelakangan menunjukkan trend yang mendatar. Namun, catatan terkini setakat Jun 2025 menunjukkan peningkatan jumlah kemalangan maut iaitu 12 mangsa berbanding tujuh mangsa bagi tempoh sama tahun 2024.

Secara keseluruhan, rekod menunjukkan pada tahun 2020, sebanyak 1,079 kes (341 kecederaan, 11 maut); tahun 2021 sebanyak 1,043 kes (343 kecederaan, 16 maut); tahun 2022 sebanyak 1,050 kes (359 kecederaan, 18 maut); tahun 2023 sebanyak 1,118 kes (364 kecederaan, 14 maut); tahun 2024 sebanyak 1,163 kes (359 kecederaan, 13 maut) manakala sehingga Jun 2025, sebanyak 559 kes (225 kecederaan, 12 maut).

Antara tiga punca utama kemalangan maut yang dikenal pasti iaitu pemanduan melebihi had laju; tidak menggunakan tali pinggang keledar; dan keluar

masuk simpang secara mengejut.

Selain itu, data turut menunjukkan kemalangan sendiri menggunakan kereta (*self accident*) mencatat lebih 50 peratus kejadian, diikuti kemalangan kereta dengan kereta (30 peratus) dan kes langgar lari (10 peratus). Bagi kesalahan lalu lintas, sebanyak 24,200 kompaun dikeluarkan pada tahun 2020.

Bagi tempoh 2021-2024, jumlah kesalahan berada dalam lingkungan 14,560 hingga 18,288 kes setahun, meliputi kesalahan seperti pemandu tidak berlesen, kenderaan diubah suai tanpa kebenaran, tidak menggunakan tali pinggang keledar dan menggunakan telefon bimbit semasa memandu.

Dalam tempoh tiga tahun kebelakangan (2022 - Julai 2025), sebanyak 2,475 kesalahan melibatkan kenderaan komersial direkodkan.

Antara kesalahan utama termasuk membawa lebih muatan, memandu kenderaan tidak layak dari segi keselamatan, menggunakan tayar botak, memandu tidak mempunyai sijil kelayakan sah serta mengusik atau memecahkan Speed Warning Device (SWD).

Bagi memperkukuhkan keselamatan jalan raya, MKKJR sedang dan telah melaksanakan beberapa inisiatif utama iaitu Pelan Strategik Baharu: Merangka Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya 2026-2030 yang lebih komprehensif bagi menggantikan Pelan Strategik Keselamatan Jalan Raya 2021-2025; Audit Jalan Raya: MKKJR dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya di Kementerian Pembangunan telah selesai menjalankan audit jalan raya Brunei Road Assessment Programme BruRAP2 oleh sebuah Syarikat dari New Zealand pada tahun 2024.

Hasil daripada pengauditan

tersebut telah mendapati yang 76 peratus jalan raya utama di negara ini mencapai minimum tiga bintang, iaitu jalan raya yang lebih selamat dan mengurangkan risiko kecederaan serius atau kematian (*fatal*).

Selain itu, Speed Monitoring Device : Sedang merancang untuk memasang Speed Monitoring Device di beberapa lokasi telah dikenal pasti pada bulan September 2025 untuk mempamerkan dan memperingatkan pemandu akan had kelajuan kenderaan yang di pandu semasa melalui kawasan tersebut; dan Kempen Keselamatan Jalan Raya Kebangsaan : Bertema "Watch Your Speed, Watch the Road", dilancarkan semasa Sidang Media hari ini.

Kempen bertujuan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan di jalan raya dengan menasihati supaya pemandu-pemandu tidak lalai dan mematuhi had kelajuan yang ditetapkan, di samping menumpukan perhatian semasa

berada di jalan raya.

Kempen ini juga dihasratkan untuk membendung trend kemalangan yang kian meningkat dan memupuk sikap bertanggungjawab sesama pengguna di jalan raya.

MKKJR menasihati semua pengguna jalan raya agar sentiasa berwaspada dan mematuhi undang-undang lalu lintas, khususnya dengan memastikan Lesen Memandu dan Lesen Kenderaan sah laku, kenderaan berada dalam keadaan baik, menggunakan tali pinggang keledar, tidak menggunakan telefon bimbit ketika memandu, mematuhi had kelajuan serta memastikan keadaan selamat sebelum keluar simpang atau membuat pusingan 'U'.

MKKJR menekankan bahawa keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab bersama yang memerlukan komitmen berterusan daripada agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat umum demi kesejahteraan semua pengguna jalan raya di NBD.

Selamatkan Usus Awd.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awd

MEMPERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK DALAM PENGURUSAN BENCANA



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Ogos. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan telah menjadi tuan rumah pada Mesyuarat Dua Hala Kali Ke-4 di antara Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara

(NADMA) Malaysia di bawah Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia dalam bidang pengurusan bencana yang diadakan bermula 19 hingga 20

Ogos, bertempat di Radisson Hotel, di ibu negara.

Antara tujuan utama mesyuarat adalah untuk memperkukuh hubungan dua hala dan kerjasama strategik dalam pengurusan bencana di antara kedua-dua buah negara.

Sepanjang mesyuarat berlangsung, beberapa perkara telah dibincangkan termasuk Penubuhan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Bencana (Disaster

ANTARA tujuan utama mesyuarat adalah untuk memperkukuh hubungan dua hala dan kerjasama strategik dalam pengurusan bencana di antara kedua-dua buah negara.

Management Working Group - DMWG) bagi menterjemah kesepakatan strategik kepada tindakan operasi yang lebih kukuh, memperkemas prosedur rentas sempadan terutamanya dalam meningkatkan koordinasi operasi bersama dan memperkukuhkan kesiapsiagaan serantau secara keseluruhan.

Selain daripada itu, perbincangan juga turut menumpukan kepada perancangan untuk merangka latihan bersepadu rentas sempadan pada masa akan datang, di samping menilai semula latihan terdahulu, serta meningkatkan keupayaan kedua-dua buah negara dalam bertindak balas secara lebih pantas dan efektif terhadap sebarang bencana pada masa akan datang.

Delegasi dari pihak Kerajaan Malaysia diketuai oleh Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) Malaysia, Yang Berbahagia Datuk Abdul Halim bin Hamzah dan disertai oleh pegawai-pegawai dari Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan

Awam Malaysia, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah, dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak.

Mesyuarat juga turut dihadiri oleh Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Negara Brunei Darussalam.

Sepanjang keberadaan delegasi Malaysia di negara ini, beberapa program rasmi telah diatur termasuk mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Lawatan Kerja ke CAE Brunei MPTC (Multi-Purpose Training Centre) Rimba Gadong; dan lawatan kebudayaan ke Rumah Panjang Sibut di Daerah Temburong.

Pihak NDMC juga telah menganjurkan Majlis Makan Malam Rasmi sebagai tanda persahabatan.

Mewakli Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mesyuarat berkenaan ialah Pemangku Pengarah NDMC, Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, para pegawai kanan dan kakitangan dari pihak KHEDN, NDMC, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan CAE Brunei MPTC serta Jabatan Daerah Temburong.

Memperkasa kepakaran klinikal, perkukuh kemudahan penjagaan kesihatan



SESI tersebut dijalankan dengan kerjasama Hospital BNH, Thailand dan diketuai oleh pakar terkenal antarabangsa Profesor Dr. Orapan Poachanukoon, MD, PhD (atas dan atas kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Jerudong Park Medical Centre

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Ogos. - Profesional penjagaan kesihatan dari seluruh negara berhimpun semalam untuk program latihan komprehensif merangkumi bengkel praktikal bertajuk 'Practical Approaches in Respiratory and Allergy Diagnostics' dan kuliah Pendidikan Perubatan Berterusan (CME) sesi petang bertajuk 'Allergy & Asthma Evaluation and Management: Journey to Remission'.

Sesi tersebut dijalankan dengan kerjasama Hospital BNH, Thailand dan diketuai oleh pakar terkenal antarabangsa Profesor Dr. Orapan Poachanukoon, MD, PhD.

Bengkel tersebut menyediakan kemahiran praktikal dalam penggunaan alat diagnostik moden seperti terapi aerosol, ujian alahan yang disasarkan, FeNO dan spirometri, melengkapkan

peralatan dengan teknik yang lebih baik untuk meningkatkan ketepatan dalam diagnosis dan rawatan pernafasan dan alahan.

Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif 'Train-the-Trainer' yang lebih luas yang bertujuan untuk memperkasa pakar perubatan, jururawat dan profesional kesihatan bersekutu untuk menyebarkan pengetahuan ini di institusi masing-masing serta mengukuhkan kemudahan penjagaan kesihatan.



"Ini adalah peluang terbaik untuk profesional penjagaan kesihatan di Brunei untuk bekerjasama dengan Hospital BNH, bertukar-tukar amalan terbaik dan meneroka perkongsian penyelidikan masa depan," kata Ketua Pegawai Perubatan JPMC, Dr. Meera Sahib Kabeer, "Ini akan membantu mewujudkan peningkatan mampan dalam penjagaan pernafasan dan alahan".

Pada sebelah malam, kuliah CME mengalihkan tumpuan kepada kawalan dan remisi penyakit jangka panjang. Dengan peningkatan kelaziman global terhadap penyakit asma dan alahan, kuliah itu menyerlahkan kemajuan dalam terapi biologi, perubatan peribadi, dan teknik intervensi awal yang melangkaui kawalan simptom untuk mencapai penyelesaian yang berkekalan untuk remisi.

Profesor Dr. Orapan Poachanukoon, seorang tokoh terkemuka dalam bidang alahan dan imunologi dan Presiden Majlis Asma Thai, menyampaikan kedua-dua sesi. Dengan lebih 60 kajian yang diterbitkan, berbilang buku teks, paten dan peranan kepimpinan merentas institusi alahan serantau, kepakaran luas Prof. Dr. Poachanukoon memberikan nilai tambah yang signifikan kepada program ini.

"Kami amat berbesar hati dengan kehadiran Profesor Dr. Orapan Poachanukoon," kata Dr. Kabeer, "Penyelidikan dan kepimpinannya yang meluas dalam bidang penjagaan alahan dan asma membuka ruang baharu untuk kerjasama, pertukaran akademik dan inovasi bersama dalam penjagaan kesihatan antara Thailand dan Negara Brunei Darussalam".

28 PESERTA TERIMA SIJIL PROGRAM LITERASI PENERANGAN



Oleh : Nurdiyanah Rajami
Foto : Azmah Haji Ahad, Nurdiyanah Rajami

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Ogos. - Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Tutong menutup tirainya petang tadi dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil yang berlangsung di Dewan Citra, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Majlis Penyampaian Sijil berkenaan disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah.

Program kali ini disertai oleh 28 orang peserta yang terdiri daripada belia mukim dan kampung dari Daerah Tutong yang sedang menjalani cuti penggal persekolahan.

Hari kedua program dimulakan dengan siri taklimat yang disampaikan oleh beberapa agensi kerajaan.

Antara siri taklimat yang dimuatkan termasuklah mengenai 'Penggunaan Teknologi AI yang Selamat dan Bertanggungjawab' yang disampaikan oleh Jurulatih Kesedaran Keselamatan Siber, Cyber Security Brunei, Kementerian Pengangkutan dan

Infokomunikasi, Dayang Izuana binti Ayob dan juga taklimat mengenai 'Usaha dalam Menangani Isu Pengangguran di Negara Brunei Darussalam' oleh Penolong Pegawai Projek Tingkat I, Pusat Pekerjaan Brunei, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Mohammad Asyraf bin Haji Arine.

Selain itu, taklimat bertajuk 'Mengukuh dan Mantapkan Akidah Golongan Belia' disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Siti Juhaidah binti Haji Bujang.

Sementara itu, pada sebelah petang, para peserta turut didedahkan dengan taklimat bertajuk 'Berita Palsu, Jenayah Siber dan Scammer' yang disampaikan oleh Koperat 4747 Syalihin bin Haji Ludin dari Pasukan Polis Diraja Brunei, yang menekankan bahaya ancaman siber bagi golongan belia, termasuk praktik buli siber, penipuan dalam talian serta kepentingan melindungi maklumat peribadi.

Sehubungan itu, Pelita Brunei berkesempatan menemu bual dua orang peserta program berkenaan

yang antaranya rata-rata merakamkan kesyukuran dan penghargaan terima kasih kepada Jabatan Penerangan kerana diberikan peluang mengikuti program dua hari tersebut.

Salah seorang belia berusia 15 tahun dari Kampung Bukit Panggal, Daerah Tutong, Awang Md. Nurrezwan bin Deddy mengongsikan terdetiknya mengikuti Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Tutong kerana beliau merasakan betapa mustahaknya untuk mengisi masa terluang yang bertepatan dengan musim cuti persekolahan ini dengan aktiviti-aktiviti berfaedah menerusi menimba pengetahuan dan pengalaman di luar pembelajaran dalam kelas atau persekolahannya.

"Kesedaran mengenai isu-isu semasa seperti keselamatan siber dan juga jenayah penipuan dalam talian suatu perkara yang perlu diambil perhatian pada

AWANG Md. Nurrezwan bin Deddy.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah semasa hadir dan seterusnya menyampaikan sijil kepada penerima (kiri dan atas).

masa kini lebih-lebih lagi dalam kita meniti zaman arus kemodenan. Alhamdulillah, dengan adanya taklimat-taklimat yang disampaikan kepada kami, kami secara langsung dapat mengetahui dengan sebaik-baiknya," ujarnya yang menuntut di Sekolah Menengah Muda Hashim Tutong (SMMHT) dalam Tahun 9.

Seterusnya, Dayang Nur Basirah binti Azman, 16 tahun, berpendapat bahawa dengan mengikuti Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Tutong sememangnya dapat membuka minda bersama peserta yang lain lebih-lebih lagi meningkatkan kesedaran bersama tentang pembangunan modal insan amat berkait rapat dengan pembangunan belia di negara ini, kerana belia merupakan aset penting yang akan menjadi penggerak dan pemacu pada kemajuan serta pembangunan negara.

"Saya mengikuti program ini buat julung kalinya, pastinya ia memberi kesedaran bahawa golongan belia perlu peka dengan isu-isu semasa demi

meningkatkan potensi diri dan juga menjauhi diri daripada melakukan kegiatan-kegiatan yang tidak diingini. Saya juga mengalu-alukan golongan belia dan beliawanis yang lain untuk terus terlibat dengan program seperti ini di masa akan datang," tambahnya yang berasal dari Kampung Kiudang, Daerah Tutong.

Program Literasi Penerangan merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan menggunakan pendekatan Whole of Nation dan Whole of Government yang antara lain dihasratkan untuk melahirkan para belia berwawasan, mempunyai jati diri yang kukuh serta memiliki nilai luhur cintakan agama, bangsa dan negara yang tinggi serta memupuk rasa tanggungjawab ke arah memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai dengan jayanya.

DAYANG Nur Basirah binti Azman.

Nuqra Ummah Survivor terapkan nilai murni, kefahaman agama



Siaran Akhbar dan Foto : Nuqra Quranic

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Ogos. - Nuqra Quranic Lambak kembali dengan program cuti sekolah yang dinanti-nantikan. Kali ini, anak-anak dibawa menyelami pengalaman baharu

melalui Nuqra Ummah Survivor, sebuah program diinspirasi dari konsep permainan popular 'Squid Game', namun diolah secara kreatif dengan pendekatan Islamik yang

mendidik.

Program selama dua hari ini menyasarkan penyertaan kanak-kanak berusia 6 hingga 13 tahun, dengan objektif untuk membentuk sahsiah diri melalui aktiviti yang menyeronokkan, namun sarat dengan nilai

pendidikan dan kefahaman agama.

Setiap aktiviti direka bukan sekadar untuk mencabar ketangkasan dan minda peserta, tetapi juga untuk menerapkan nilai-nilai murni yang berlandaskan ajaran Islam.

NUQRA Ummah Survivor, sebuah program diinspirasi dari konsep permainan popular 'Squid Game', namun diolah secara kreatif dengan pendekatan Islamik yang mendidik.

Antara aktiviti yang diketengahkan termasuk 'Red Light, Green Light', iaitu permainan yang menguji tumpuan sambil mendidik peserta membezakan antara perkara yang diperintahkan dan dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

'Dalgona Challenge', cabaran memotong bentuk-bentuk yang mewakili nilai akhlak terpuji seperti sabar, jujur dan hormat serta 'Six-Legged Pentathlon', aktiviti fizikal secara berpasukan yang menggalakkan kerjasama, strategi, serta penerapan nilai-nilai Islam seperti amanah, kesabaran dan semangat ukuhuah.

Dengan pendekatan yang seimbang antara hiburan dan pendidikan, Nuqra Ummah Survivor membuktikan bahawa permainan juga boleh menjadi medium pembentukan jati diri dan akhlak anak-anak Muslim yang cemerlang di dunia dan akhirat.

"Kami mahu anak-anak merasa keseronokan sambil memahami bahawa ilmu dan agama itu saling melengkapi," kata Pengurus Nuqra Quranic Lambak, Md. Ariffin bin Abd. Kahar.

MEMPERKASA, MENGUKUHKAN EKOSISTEM KEUSAHAWANAN BELIA



PROGRAM tahun ini menampilkan Belia TEDx Anggerek Desa, Sesi Perkongsian Insights on Digital Media dan perintis Pasaran Jualan Langsung (kiri dan atas).

Siaran Akhbar dan Foto : Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Ogos. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) baru-baru ini berjaya menganjurkan edisi pertama Youth Opportunities Unlocked 2025 (YOU2025), bertempat di Pusat Kesenian Pro Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Program tahun ini menampilkan Belia TEDx Anggerek Desa, Sesi Perkongsian Insights on Digital Media dan perintis Pasaran Jualan Langsung.

Dianjurkan bersempena dengan Hari Belia Kebangsaan Ke-20 dan Majlis Konvokesyen UBD Ke-37, acara 'The Next Day' menghimpunkan seramai 260 peserta yang terdiri daripada usahawan belia yang bercita-cita tinggi dan yang telah berjaya, pakar industri, pihak berkepentingan utama, serta agensi berkaitan untuk sehari penuh sesi ceramah inspirasi, perkongsian ilmu dan rangkaian perniagaan.

Sambutan tersebut mencerminkan momentum yang semakin berkembang dalam keusahawanan belia di Brunei.

Bagi menunjukkan sokongan UBD terhadap inisiatif yang diterajui belia, Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle, turut menghadiri acara tersebut serta

melawat jenama-jenama belia yang menjalankan jualan secara langsung di TikTok.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif LKEB, Daniel Leong menggesa belia Brunei untuk memainkan peranan aktif dalam kepelbagaian ekonomi negara.

"YOU2025 adalah lebih daripada sekadar inspirasi - ia mengenai tindakan. Kami mahu belia kami bergerak dengan idea baharu, rakan baharu dan mungkin juga peluang baharu.

"Di LKEB, kami ingin membantu awda meneruskan idea awda - sama ada melalui program seperti Startup673, hab sokongan kami di iCentre dan Kontena Park atau hanya dengan berhubung dengan pasukan kami di Anggerek Desa, yang sentiasa bersedia untuk mendengar dan berkongsi nasihat," katanya.

Beliau mengiktiraf sokongan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Progresif Sdn. Bhd., Beep Digital Solutions Sdn. Bhd. dan UBD atas sokongan mereka yang mencerminkan komitmen bersama untuk memperkasakan belia Brunei.

Sesi tersebut telah menampilkan TEDx Anggerek Desa Youth, yang merupakan platform untuk

usahawan belia berkongsi idea peribadi dan memberi impak sambil mempromosikan belia dalam format TEDx yang diiktiraf di peringkat global.

Antara penceramah yang ditampilkan bagi sesi pagi termasuk Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif New Wave Films, Syafi Halim yang menyampaikan tajuk 'Selesa dengan Kegagalan'; Bash Harry dari Multi-hyphenate Creative, Harry Knit, yang menyampaikan tajuk 'Menjejar Kegembiraan dan Kesilapan'; Pengasas Bakwa Warisan, Rayyan Sufian yang menyampaikan tajuk 'Mulakan Awal, Gandakan Lama: Umur Tidak Penting, Bukti yang Menentukan'; dan Pengasas Khairani's Closet, Khairani Ashry yang menyampaikan tajuk 'Apabila Awda Sesat, Kejar Diri Awda'.

Sementara itu, sesi petang menampilkan usahawan berjaya yang lain untuk berkongsi petua dan nasihat tentang cara mereka mencapai kejayaan mereka dan seterusnya bagaimana orang lain boleh melakukan perkara yang sama.

Antara yang penceramah yang menentang semasa sesi petang ialah Pengarah Urusan MOV Corp & GMart, George Lim dengan tajuk 'Memfaatkan Platform Sosial Baharu'; Brunei Food Diary, Amal

Hibriyah dengan tajuk 'Membantu F&B Brunei Mencapai Khalayak Lebih Luas'; dan juga Perbincangan Panel dengan penceramah, yang dikendalikan oleh Pengurus Kanan, LKEB, Reuben Chin.

Ceramah-ceramah tersebut akan dimuat naik dalam talian di TEDx Talks YouTube serta saluran BizBrunei dalam beberapa minggu akan datang, membolehkan idea mereka memberi inspirasi dan menjangkau khalayak yang lebih luas selepas acara tersebut.

Sesi selari turut diadakan iaitu Pasaran Jualan Langsung dari 9.00 pagi hingga 4.00 petang, menggabungkan perdagangan secara langsung menerusi TikTok secara masa nyata dengan persekitaran runcit secara peribadi.

Inisiatif ini menyediakan platform yang diterajui oleh belia untuk menguji saluran jualan baharu dan meneroka jangkauan pasaran dan mencapai jumlah sehingga 90 item terjual dan jumlah jualan melebihi BND2,000 merentas tujuh vendor.

Jenama pimpinan belia yang mengambil bahagian berkongsi bahawa pengalaman itu memberi mereka pendedahan yang berharga kepada pelanggan baharu dan menguji keupayaan mereka untuk mengendalikan interaksi langsung.

Beberapa usahawan berkata, inisiatif itu mendorong mereka untuk meneroka jualan langsung dengan lebih serius sebagai saluran jualan masa hadapan.

Acara ditutup dengan Sesi Rangkaian, memupuk hubungan baharu dalam kalangan peserta, penceramah, dan wakil industri, sekali gus mengukuhkan misi LKEB untuk memperkukuh ekosistem keusahawanan belia Brunei.

LKEB menekankan bahawa YOU2025 bukanlah inisiatif sekali sahaja tetapi permulaan platform berterusan untuk keusahawanan belia.

Dengan membina kejayaan acara tahun ini, LKEB merancang untuk mengembangkan YOU2025 menjadi program berulang yang terus memperkasakan belia, memupuk inovasi, dan mengukuhkan ekosistem keusahawanan Brunei.

Usahawan-usahawan belia yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang acara ini dan menjadi sebahagian daripada aktiviti masa depan bolehlah menghubungi community.management@bedb.gov.bn atau layari www.bedb.gov.bn dan lihat bahagian 'Acara akan datang' untuk mengetahui acara yang akan diadakan seterusnya.

Filem 'Cam Cam Brit' : Mengangkat identiti Brunei, tampilkan imaginasi kanak-kanak tempatan

Siaran Akhbar dan Foto : Regalblue Production

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Ogos. - Majlis Tayangan Perdana Filem Kanak-Kanak Berjudul 'Cam Cam Brit' telah diadakan baru-baru ini di Times Cineplex, Time Square, Berakas.

Antara yang hadir ke majlis tersebut ialah Ketua Eksekutif, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), Awang Haji Jailani bin Haji Buntar.

Filem berdurasi 70 minit tersebut diterbitkan oleh Regalblue Production dan merupakan salah satu projek di bawah inisiatif AITI's Pitch & Produce 2024.

Penerbitan filem tersebut diinspirasi daripada kesedaran bahawa di Negara Brunei Darussalam masih kurang kandungan khusus untuk kanak-kanak, khususnya dalam

bentuk filem.

Pihak penerbit berharap agar karya ini menjadi langkah permulaan untuk membuka jalan kepada lebih banyak penghasilan filem dan konten yang bukan sahaja untuk kanak-kanak, malah yang dihasilkan oleh kanak-kanak pada masa hadapan.

Di samping itu, 'Cam Cam Brit' juga berhasrat untuk mengangkat identiti Brunei melalui penceritaan yang menampilkan kehidupan dan imaginasi kanak-kanak tempatan, sekali gus mencerminkan generasi muda yang akan membentuk masa depan negara.

Filem berkenaan diarahkan oleh Harlif Haji Mohamad, yang sebelum ini mengarahkan dua filem Brunei yang ditayangkan di pawagam iaitu 'Ada Apa Dengan Rina' (2013) dan 'RINA2' (2017).

Filem ini turut menampilkan



ANTARA yang hadir ke Majlis Tayangan Perdana Filem Kanak-Kanak Berjudul 'Cam Cam Brit' ialah Ketua Eksekutif, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), Awang Haji Jailani bin Haji Buntar.

pelakon-pelakon kanak-kanak sebagai watak utama, dengan jalan cerita yang segar, penuh imaginasi

dan sesuai untuk tontonan keluarga.

Filem 'Cam Cam Brit' akan mula

ditayangkan untuk orang ramai di pawagam Times Cineplex bermula 21 Ogos 2025.



Nasihat sebagai tanda kasih sayang

baik datang daripada keprihatinan seseorang terhadap kesejahteraan orang lain. Ia bertujuan untuk membimbing, mengingatkan dan membawa kebaikan dalam kehidupan. Dicapai Tamim Ad-Dariy Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Agama itu adalah nasihat. Kami bertanya : Untuk siapa? Baginda bersabda : "Untuk Allah, untuk kitab-Nya, untuk rasul-Nya, untuk para pemimpin kaum Muslimin dan kaum Muslimin secara umum". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Nasihat itu mempunyai peranan yang penting dalam kehidupan, bukan hanya dalam hubungan sesama manusia tetapi juga dalam membentuk akhlak yang baik dan mulia. Ini kerana antara peranan nasihat itu adalah :

Pertama : Membantu dalam membuat keputusan yang betul. Nasihat boleh membantu seseorang membuat keputusan yang bijak dan mengelakkan daripada kesilapan yang mungkin membawa kesan buruk dalam kehidupan.

Kedua : Mengukuhkan hubungan kekeluargaan dan persahabatan daripada aspek pemedulian dan kasih sayang.

Ketiga : Membantu seseorang menyadari kesalahan dan kesilapan. Ini kerana kadangkala seseorang itu tidak menyadari kesilapan yang dilakukan. Dengan menerima nasihat, maka dia boleh memperbaiki diri dan menjadi insan yang lebih baik.

Keempat : Membentuk masyarakat yang prihatin. Sekiranya budaya nasihat-menasihati diamalkan dalam masyarakat dengan cara yang baik maka masyarakat akan menjadi lebih harmoni dan penuh kasih sayang.

Imam Al-Ghazali berpesan di dalam kitabnya Ayyuhal Walad : "Nasihat itu mudah, yang sukar adalah menerimanya kerana bagi yang mengikuti hawa nafsu, maka nasihat terasa pahit".

Walaupun nasihat itu dapat memberikan manfaat ke arah kebaikan, namun adab dan akhlak dalam menyampaikan nasihat itu mestilah sentiasa dijaga. Ini kerana tanpa adab dan tatacara yang betul, ia bukan saja boleh menimbulkan salah faham, bahkan boleh menimbulkan kemarahan sehingga menyebabkan terjadinya permusuhan dan persengketaan. Antara kaedah dan adab yang perlu diberi perhatian dalam menyampaikan nasihat, antaranya ialah :

Pertama : Gunakan tutur kata yang lemah lembut dan berhemah. Nasihat yang baik tidak seharusnya disampaikan dengan cara yang boleh merendahkan seseorang. Gunakanlah kata-kata yang sopan dan menyenangkan hati.

Kedua : Beri nasihat pada waktu yang sesuai. Ini kerana waktu yang tepat memainkan peranan yang sangat penting. Oleh itu, jangan memberi nasihat ketika seseorang itu sedang marah atau dalam keadaan emosi kerana nasihat itu mungkin tidak dapat diterima dengan baik.

Ketiga : Beri nasihat dengan kasih sayang. Oleh yang demikian, pastikan niat dalam memberi nasihat adalah untuk kebaikan dan bukan untuk memperkecilkan seseorang.

Keempat : Elakkanlah daripada menegur kesalahan seseorang di khalayak ramai. Lihatlah situasi dan keadaan, tegur dan nasihatilah ketika dia sedang bersendirian atau ketika dia berada di tempat yang tertutup, bukannya dengan cara yang boleh menimbulkan perasaan malu kepada orang yang ditegur. Imam As-Syafii Rahimallah berkata : "Sesiapa yang menegur saudaranya secara sembunyi-sembunyi maka dia benar-benar telah menasihatinya dan menjaga aibnya. Namun, sesiapa yang menegurnya secara terang-terangan maka sesungguhnya dia telah memalukannya dan membuka aibnya".

Perubahan gaya hidup masyarakat yang dikuasai oleh penggunaan medium media sosial telah menyediakan ruang interaksi

dan komunikasi tanpa batasan yang kadangkala membuatkan kita terlalai dan terleka tentang adab dan akhlak dalam menyampaikan nasihat.

Dalam hal ini, kita perlulah bersikap bijak dengan memastikan bahawa ayat-ayat atau perkataan yang hendak digunakan itu adalah bersesuaian. Ini kerana media sosial adalah tempat umum dan terbuka yang boleh menimbulkan pelbagai andaian dan pandangan sama ada yang positif mahupun yang negatif.

Oleh yang demikian, marilah muhasabah diri kita agar mengembalikan semula tujuan sebenar sesuatu nasihat itu dilakukan agar memberikan manfaat kepada orang lain, bukannya mengundang kemudaratan yang menyemarakkan api perbalahan dan permusuhan dalam kehidupan bermasyarakat, sedangkan permusuhan itu adalah perbuatan yang dibenci dan ditegah dalam agama kita. Dicapai Aisyah Radiallahuanha, berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesungguhnya orang yang paling dibenci Allah ialah orang yang paling kuat bermusuhan". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Sesungguhnya nasihat adalah tanda kasih sayang yang membantu seseorang itu menjadi insan yang lebih baik. Dalam memberi nasihat, kita perlu menggunakan cara yang berhemah dan penuh kelembutan agar ia diterima dengan baik. Begitu juga dalam menerima nasihat, seseorang itu harus bersikap terbuka, rasional dan bersedia untuk memperbaiki diri sendiri. Akhirnya, sama-samalah kita berdoa semoga kita semua akan dapat hidup aman damai, harmoni dan bersatu padu tanpa ada persengketaan. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Maka kamu katakan kepadanya kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia beringat (sedar) atau takut (kepada Tuhan)". (Surah Ta-Ha, ayat 44)

Memastikan rekod sejarah terus terpelihara, terjaga



aktiviti sampingan Program Sejarah dalam bulan Ramadan pada tahun 2021 yang lalu.

Bengkel disertai oleh seramai 27 pustakawan sekolah-sekolah adalah bertujuan untuk berkongsi serta membudayakan teknik dan kaedah asas pemeliharaan rekod kepada pustakawan sekolah yang menyertai program berkenaan.

Bagi memastikan rekod sejarah ini terus terpelihara dan terjaga maka PSB telah mengambil langkah terbaik dengan menerapkan kaedah pemeliharaan yang lebih teratur dan bersistematik.

Langkah seumpamanya adalah bagi memudahkan lagi rekod-rekod tersebut untuk dirujuk, dikaji, diterbitkan, dipamerkan dan didigitalkan.

Objektif bengkel adalah untuk mengangkat PSB sebagai Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei; mempromosi penBORNEO sebagai pusat sumber dan pengkajian Borneo.

Selain itu, untuk memupuk minat serta memberi pendedahan asas, kefahaman dan kesedaran mengenai kepentingan memelihara dan menghargai rekod sejarah sebagai bukti dan sumber rujukan dan meningkatkan kemahiran peserta terhadap kaedah terbaik yang boleh dipraktikkan dalam rekod di perpustakaan sekolah-sekolah di Negara Brunei Darussalam dan

PEMANGKU Pengarah Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Metussin bin Haji Jais hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan pelancaran Bengkel Asas Pemeliharaan Rekod Bersama Pustakawan Sekolah-sekolah Brunei Tahun 2025 (kiri dan kanan).



mewujudkan suasana tempat penyimpanan rekod yang terpelihara.



BENGKEL disertai oleh seramai 27 pustakawan sekolah-sekolah adalah bertujuan untuk berkongsi serta membudayakan teknik dan kaedah asas pemeliharaan rekod kepada pustakawan sekolah yang menyertai program berkenaan.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Ogos. - Rekod adalah aset yang sangat penting dan berharga bagi sesebuah organisasi, institusi atau jabatan kerana mengandungi maklumat yang bernilai tinggi untuk dijadikan sebagai rujukan dan panduan.

Justeru, Pusat Sejarah Brunei (PSB) berperanan dalam mengumpul dan menyimpan pelbagai bahan rekod sejarah seperti manuskrip, buku, salasilah, peta, mikro filem dan sebagainya secara berterusan.

Sehubungan itu, PSB melalui Bahagian Pusat Pengkajian Borneo pagi tadi menganjurkan

Bengkel Asas Pemeliharaan Rekod Bersama Pustakawan Sekolah-sekolah Brunei Tahun 2025 dengan tema 'Pelihara dan Sayangi Rekod Kitani'.

Bengkel diadakan selama dua hari bertempat di Bahagian Pusat Pengkajian Borneo, PSB, Flat Kerajaan Anggerek Desa.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan pelancaran bengkel tersebut, Pemangku Pengarah Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Metussin bin Haji Jais.

Sebelumnya, bengkel telah dilaksanakan sebagai salah satu



NASIHAH SEBAGAI TANDA KASIH SAYANG

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 28 Safar 1447H / 22 Ogos 2025M



**MEMBERI
&
MENERIMA NASIHAT**

**AMALAN YANG
DIANJURKAN DALAM ISLAM
DAN DALAM KEHIDUPAN
BERMASYARAKAT**



PERANAN NASIHAT:

1



**MEMBANTU DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN
YANG BETUL**

2



**MENGUKUHKAN HUBUNGAN KEKELUARGAAN
DAN PERSAHABATAN DARI ASPEK
PEMEDULIAN DAN KASIH SAYANG**

3



**MEMBANTU SESEORANG MENYEDARI
KESALAHAN DAN KESILAPAN**

4



MEMBENTUK MASYARAKAT YANG PRIHATIN

ANTARA KAEDAH & ADAB DALAM MENYAMPAIKAN NASIHAT:

1



**GUNAKAN TUTUR KATA YANG LEMAH
LEMBUT DAN BERHEMAH**

2



BERI NASIHAT PADA WAKTU YANG SESUAI

3



**PASTIKAN NIAT DALAM MEMBERI NASIHAT
ADALAH UNTUK KEBAIKAN DAN BUKAN
UNTUK MEMPERKECILKAN SESEORANG**

4



**ELAKKAN DARI MENEGUR KESALAHAN
SESEORANG DIKHALAYAK RAMAI**



Notis

Invitation For Expression Of Interest (EOI) To Design, Build, Finance, Operate And Maintain The Development And Land At RPN Kampung Lugu

Kementerian Pembangunan menjemput pihak yang berminat untuk menghadapkan EOI mengenai perkara di atas.

Pihak yang berminat boleh mendapatkan dokumen EOI dengan menghantar e-mel kepada **eoil.mod.gov.bn** dengan tajuk: **Expression Of Interest To "Design, Build, Finance, Operate And Maintain The Development And Land At RPN Kampung Lugu".**

EOI yang lengkap hendaklah disimpan dalam sampul surat tertutup dan ditanda dengan tajuk seperti di atas untuk dihadapkan kepada:

Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BS3510, Negara Brunei Darussalam

Tarikh-Tarikh Penting:

Tarikh penerimaan EOI mulai: 12 Ogos 2025 (Selasa)

Hari perkongsian maklumat EOI:

- **Tarikh:** 26 Ogos 2025 (Selasa)
- **Tempat:** Bilik Mesyuarat Jong Sarat, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas
- **Jam:** 2.30 - 3.15 Petang
- **Tarikh penerimaan EOI ditutup:** 16 September 2025 (Selasa) jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga:
JPES / FIN / 6 / SH.UMUM / 02

Tajuk Sebut Harga:
Permohonan Pembelian Barangan Promosi Dan Advokasi Bagi Jabatan Perangkaan

Tarikh Tutup:
Rabu, 3 September 2025, Jam 9.00 Pagi



Bahagian Pentadbiran (Kewangan) Jabatan Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama

Tawaran Kawalan Keselamatan Bangunan - Bangunan Di Bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU)

KHEU / KEW / ITQSHHB / 2025-2026

Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB)

KHEU / KEW / SMALHB / 2025-2026

Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah (SMALHB)

KHEU / KEW / MIB / 2025-2026

Mahad Islam Brunei (MIB)

KHEU / KEW / PDI / 2025-2026

Islamic Da'wah Centre (PDI)

KHEU / KEW / SUAMRIPAD / 2025-2026

Sekolah Ugama Arab Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMRIPAD)

KHEU / KEW / SASHHB / 2025-2026

Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB)

KHEU / KEW / SUAMPRIHAHS / 2025-2026

Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIHAHS)

Tarikh Tutup:
Selasa, 9 September 2025, 2.00 Petang

Yuran: BND10.00



Bilangan Tawaran:
JPKK / JKSH2526-QTN.08 / ADM

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Pelbagai Barang Guna Habis (Toner Bagi Mesin Cetak) Bagi Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi

Tarikh Tutup / Jam:
6 September 2025, Sabtu, 9.00 Pagi

Tempat Menghantar Tawaran:
Peti Sebut Harga, Jabatan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPS(A) / 2025-2026

Perkhidmatan Pembuangan Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi Zon 'A'

1. Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit
2. Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Masna
3. Sekolah Tinggi Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPS(G) / 2025-2026

Perkhidmatan Pembuangan Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi Zon 'G'

1. Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah, Berakas
2. Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Serusop
3. Sekolah Ugama Lambak Jln Bedil
4. Sekolah Ugama Lambak Kanan
5. Sekolah Ugama Madang
6. Sekolah Ugama Salambigar
7. Sekolah Ugama Tanah Jambu
8. Sekolah Ugama Perpindahan Lambak Kanan Jln 77

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPS(H) / 2025-2026

Perkhidmatan Pembuangan Sampah Tempoh 2 Tahun Bagi Zon 'H'

1. Ma'had Islam Brunei, Tutong
2. Sekolah Ugama Tanjong Maya, Tutong
3. Pejabat Pengajian Islam Daerah Tutong

Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam Tahun 1446H-1447H / 2025M-2026M

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 10 Rabiulawal 1447H / 3 September 2025M, Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Perbendaharaan Tingkat 2, Tower Block Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam



Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
63 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2025
Fortigate License Renewal For Ministry Of Religious Affairs (MoRA) Headquarters And Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 3 September 2025, Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 75 / 25 – 26
General Overhaul and Repair of Engine for Daihatsu Pickup (BG8091)

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 77 / 25 – 26
Penyewaan, Pemasangan, Pengendalian Dan Pembongkaran Skrin Led Serta Pembuatan Grafik Untuk Rancangan TV, Bahagian Rancangan TV, RTB

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 78 / 25 – 26
Supply And Delivery Of POC Payout Automation Server

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 81 / 25 – 26
Replacement of Rack Mounted 240V 6kVA Uninterruptable Power Supplies (UPSs) for OB2 & OB4 Facilities

Bayaran Yuran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 3 September 2025, Jam 2.00 Petang



Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 08 / 2025-2026
Membekal Dan Menghantar Buku-Buku Teks Pelajaran Umum Persekolahan Arab, Bagi Sesi Pembelajaran Tahun 2026, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1447H-1448H / 2025M-2026M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 3 Rabiulawal 1447H / 27 Ogos 2025M
Jam 2.00 Petang



Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Pembaikan Kerosakan Pada Gerai Makan Umum No.1 Bangunan Gerai Bunga Simpur Kuala Belait, Jalan Bunga Simpur Kuala Belait 28 / BBS / SH / BKA / 2025 - 2026

Dibukakan kepada pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II Kategori KA01)

Yuran Tawaran
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
2 September 2025 (Selasa)

Waktu Kaunter Pembayaran

Isnin – Khamis
8.00 Pagi – 12.00 Tengah Hari
1.30 Petang – 3.00 Petang

Sabtu
8.00 Pagi – 10.00 Pagi

Tutup pada Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam




KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Memulihara Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Dan Sistem Penggera Keselamatan

DA / JKSH / 84 / 2025 / 2026 [AKS-OGOS-2025]

Sebut Harga Bagi Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Memulihara Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Dan Sistem Penggera Keselamatan Bagi Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar, Kiarong, Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam. Tempoh Perkhidmatan: 60 Bulan

DA / JKSH / 85 / 2025 / 2026 [AKS-OGOS-2025]

Sebut Harga Bagi Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Memulihara Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Dan Sistem Penggera Keselamatan Bagi Sekolah Rendah Tungku, Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam. Tempoh Perkhidmatan: 60 Bulan

DA / JKSH / 86 / 2025 / 2026 [AKS-OGOS-2025]

Sebut Harga Bagi Membekal, Memasang, Menguji, Mentauliah Serta Memulihara Sistem Kawalan Keselamatan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Dan Sistem Penggera Keselamatan Bagi Sekolah Rendah Rimba III, Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam. Tempoh Perkhidmatan: 60 Bulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Isnin,
8 September 2025
Jam 9.00 Pagi

Kategori:
Syarikat-Syarikat Yang Diterima Adalah Syarikat-Syarikat Agensi Pengawal Keselamatan Yang Berdaftar Di Bawah Kawalan Bahagian Pelesenan Agensi Pengawal Keselamatan (BPAPK), Pasukan Polis Diraja Brunei.


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada "Architect Consultancy" Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 30 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) for Architect Consultancy Services for "Bangunan Sekolah Reka Bentuk, UTB"

Dibukakan Kepada "Civil And Structural Engineering Consultancy" Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD /
31 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) for Civil and Structural Engineering Consultancy Services for "Bangunan Sekolah Reka Bentuk, UTB"

Dibukakan Kepada "Mechanical and Electrical" Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD /
32 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) Mechanical and Electrical Engineering Consultancy Services for "Bangunan Sekolah Reka Bentuk, UTB"

Dibukakan Kepada 'Quantity Surveying Consultancy' Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 33 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) Quantity Surveying Consultancy Services for "Bangunan Sekolah Reka Bentuk, UTB"

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
16 September 2025


JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
PPB / QTN / AAU /
2025 / 04

Tajuk Tawaran:
Landscaping Maintenance and Grass Cutting For A Period of 24 Months at Pusat Pekerjaan Brunei (PPB)

Yuran Tawaran:
BND 5.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar melalui BIBD Online)

Tarikh Buka Tawaran
Rabu,
20 Ogos 2025

Tarikh Tutup:
Rabu,
3 September 2025
2.00 Petang


KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / NV / TA / 06

Pemeliharaan Dan Penggantian Peralatan Bagi 8-Men Hyperbaric Decompression Chamber Dan Portable Duocom Chamber, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB)

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 2 September 2025.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
9 September 2025
2.00 Petang


KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
DRG / 87 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 88 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 89 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 90 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 91 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 92 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 93 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 94 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:


**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI**

Jawatan Kosong

Jawatan:
Pengurus Kelab Perkhidmatan Awam

Bahagian:
III

Tangga Gaji:
C3-4 EB. 5 (BND1,990 - BND2,970)

Jabatan:
Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh Tutup:
30 Ogos 2025



DRG / 95 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 96 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 97 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 98 / 2025 / PHARM (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Tarikh Tutup:
2 September 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN]
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan
Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
11 / OGOS / KKBS / BKBN /
PJD / 1.56 / 25

Tajuk Sebut Harga:
Pembelian Hadiah Bagi Program
Jati Diri Kohort 9

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
28 Ogos 2025
Jam 2.00 Petang



**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut
Harga:**

45 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2025
Supply, Delivery, Installation And
Testing Of Multimedia Projectors
To Replace Damaged Units At
Sekolah Arab Sultan Haji
Hassanal Bolkiah (SASHHB) And
Sekolah Ugama Arab Menengah
Perempuan Raja Isteri Pengiran
Anak Hajah Saleha
(SUAMPRIPAHS)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
3 September 2025
Jam 2.00 Petang



**Pengawal Keselamatan Di
Bangunan Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam
Selama 1 Tahun Mulai Pada 1
September 2025 Hingga 31
Ogos 2026**

**Tawaran dibukakan kepada
Pemborong-Pemborong yang
berdaftar dengan
Kerajaan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam:-**

Kelas & Kategori :
I, Sijil Akta Agensi Keselamatan
(Penggali 187)

Bilangan:
SPA / BPK / SBH / 03 / 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Sabtu,
30 Ogos 2025

Yuran Tawaran:
BND5.00 tunai
(Tidak dikembalikan)



Bilangan Sebut Harga:
MTIC_SH01-2025

Tajuk Sebut Harga:
Replacement Of Network
Switches And Procurement Of
Additional Wireless Access Points
For Ministry Of Transport And
Infocommunications (MTIC)

Bilangan Sebut Harga:
MTIC_SH02-2025

Tajuk Sebut Harga:
Pembelian Lesen Fortigate UTP
Dan Forticare Untuk 15 Unit
Access Point (AP) Bagi
Kementerian Pengangkutan Dan
Infokomunikasi (MTIC)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
3 September 2025,
Jam 2.00 Petang



**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIRAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING



JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. KETUA PEGAWAI IMIGRESEN JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN, C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2025/AUG/01/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	03	38(B)	30 OGOS 2025
2. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI B.3 (BAHAGIAN II) 2025/AUG/01/KPI	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	02	38(A)	30 OGOS 2025
3. PEMERIKSA DAGING JABATAN PERTANIAN DAN AGRIKULTUR D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2025/AUG/01/KSSUP	KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	01	7(A)	03 SEPTEMBER 2025

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN
KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG
DIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN TIAI SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**

IKLAN dalam salinan liut (soft copy)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



Kelas:
II Sahaja

Kategori:
KA01, P02 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
26 Ogos 2025
(Selasa)

Tarikh Tutup:
9 September 2025
(Selasa)
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DWS / 030 / 2025

Nama Projek:
36 Bulan - Perkhidmatan Tenaga
Kerja Dan Penyelenggaraan Bagi
Stesen Pemantauan Kualiti Air
Terunjing Termasuk Stesen
Pemantauan Tambahan Bagi
Jabatan Perkhidmatan Air, Negara
Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Kelas:
II, III, IV & V Sahaja

Kategori:
KA01, P02 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
26 Ogos 2025
(Selasa)

Tarikh Tutup:
9 September 2025
(Selasa)
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DWS / 031 / 2025

Nama Projek:
Pembekalan Dan Penghantaran
Bench Meter Makmal, Perkakas
Dan Aksesori Untuk
Analisis Air Ke Makmal
Perkhidmatan Air, Jabatan
Perkhidmatan Air

Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-





Anjuran
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

SERTAI KAMI



PROGRAM SIVIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KEDUA BAGI TAHUN 2024/2025

OBJEKTIF

Memberikan kefahaman dan maklumat terkini mengenai usaha-usaha kerajaan dan negara dalam memupuk dan menanam semangat kenegaraan berteraskan falsafah 'Melayu Islam Beraja' (MIB)

Dibukakan kepada mahasiswa dan mahasiswi serta lepasan ijazah yang berumur tidak melebihi 28 tahun.



TARIKH
30 OGOS HINGGA 4 SEPTEMBER 2025



TEMPAT
JABATAN PENERANGAN



Sila imbas kod QR untuk penyertaan
Tarikh Tutup Penyertaan: **26 Ogos 2025**

Untuk keterangan lanjut, hubungi

Unit Kenegaraan, Jabatan Penerangan
telefon: 2383400 sambungan 209

e-mel: unit.kenegaraan@information.gov.bn



FORUM KESIHATAN WANITA LANCARKAN PLATFORM SOKONGAN KOMUNITI PCOS



FORUM tersebut diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, Penolong Naib Canselor (Kehidupan Universiti dan Tadbir Urus), Universiti Brunei Darussalam, Dayang Hajah Maudena binti Haji Abdul Hamid.

kepentingan sokongan masyarakat dalam menangani cabaran kesihatan wanita, di samping merasmikan pelancaran PCOS Community Support Platform, iaitu satu inisiatif yang bertujuan untuk menyediakan sumber berterusan, panduan serta ruang selamat bagi wanita yang terkesan dengan PCOS.

Forum diteruskan dengan sesi perbincangan panel yang dikendalikan oleh Timbalan Pengarah UniHealth, Dr. Deeni Rudita Idris.

Perbincangan menampilkan dua orang ahli panel iaitu Ketua Jabatan Obstetrik, Ginekologi dan Perubatan Reproduksi di Jerudong Park Medical Centre (JPMC), Dr. Lydia Suguna Chitra Karat, dan Pengasas BleedSafely, Dayang Siti Zaimah Roslan yang berkongsi pandangan serta panduan praktikal mengenai kesihatan wanita dan PCOS.

Bagi menambah keterlibatan peserta, sesi turut menyelitikan kuiz interaktif yang bertujuan untuk menguji pengetahuan dan meningkatkan kesedaran mengenai PCOS secara informatif namun dalam suasana santai.

Di bawah Program Eksekutif Muda (YEP) Kohort 10, ahli OVAchievers lain yang terlibat termasuk Awang Muhammad Ar-Rifa'ie bin Pehin Dato Haji Awang Halbi, Awangku Muhammad Hazim bin Pengiran Haji Muhammad Asyraf, dan Dayang Nurul Amirah Faezah binti Haji Mohamad Sufri.

Forum dijayakan oleh pihak OVAchievers dengan sokongan para penaja, sekali gus memudah cara perbincangan interaktif dan melibatkan penyertaan peserta bagi meningkatkan kesedaran serta menggalakkan tindakan dalam aspek kesihatan wanita.

Melalui 'The OVATruth: PCOS', kumpulan OVAchievers tetap komited untuk memperkasakan wanita serta memperkukuhkan komuniti dengan menyediakan pendidikan, sumber dan rangkaian sokongan bagi mereka yang terkesan dengan PCOS di Negara Brunei Darussalam.

Maklumat lanjut mengenai Platform Sokongan Komuniti PCOS boleh didapati melalui laman Instagram mereka, @theovatruth.pcos.

Siaran Akhbar dan Foto : Kumpulan OVAchievers

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Ogos. - Forum Kesihatan Wanita telah diadakan baru-baru ini di Senate Room, Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Acara tersebut dianjurkan oleh Kumpulan OVAchievers sebagai sebahagian daripada inisiatif khidmat masyarakat mereka, 'The OVATruth: PCOS', yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai Sindrom Ovari Polisistik (PCOS) serta mempromosikan

kesihatan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Forum tersebut telah diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, Penolong Naib Canselor (Kehidupan Universiti dan Tadbir Urus), UBD, Dayang Hajah Maudena binti Haji Abdul Hamid.

Dianjurkan dengan kerjasama Centre for University Life and Wellness (UniHealth), UBD, forum berkenaan terbuka kepada orang ramai serta para pelajar UBD untuk menimba pengetahuan mengenai

PCOS dan kesihatan wanita.

Program dimulakan dengan tayangan video pendek yang menggambarkan cabaran yang dihadapi oleh wanita dengan PCOS, di samping menyorot aktiviti khidmat dan advokasi yang dijalankan oleh pihak OVAchievers.

Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh dua orang ahli OVAchievers, Awang Mohammad Aiman Hakeem bin Haji Mohammad Som dan Dayang Nur Adlina binti Haji Azman, yang antara lain menekankan

Kewujudan 'bride assistant' membantu memudahkan urusan pengantin

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Ihsan @lighthaus.studio

DALAM dunia moden hari ini, persiapan majlis perkahwinan semakin berkembang dengan pelbagai inovasi dan perkhidmatan baharu yang ditawarkan. Antara trend yang semakin mendapat perhatian ialah kewujudan *bride assistant* atau pembantu pengantin perempuan.

Bride assistant berperanan sebagai pembantu peribadi yang menemani pengantin perempuan sepanjang majlis, bermula daripada persiapan awal hingga ke penghujung acara. Mereka bukan sahaja memastikan pengantin tampil anggun, malah berfungsi sebagai penyejuk hati ketika emosi bercampur-baur. Tugas mereka merangkumi hal kecil seperti menguruskan aksesori, menyediakan minuman hinggalah kepada perkara lebih besar seperti menyusun jadual fotografi atau menenangkan pengantin ketika rasa gugup. Trend ini mula popular di luar negara dan kini semakin menular di rantau Asia termasuk di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Seorang *bride assistant* lazimnya menjadi individu kepercayaan yang membantu pengantin menguruskan pelbagai aspek penting sebelum dan semasa majlis berlangsung. Antara peranan utama termasuklah menyusun jadual persiapan, memastikan pengantin tiba tepat pada masa untuk sesi persolekan, fotografi dan menuju ke pelamin. Mereka juga memastikan pakaian serta aksesori seperti *veil*, tudung, kasut dan perincian kecil lain sentiasa dalam keadaan sempurna.

Selain itu, mereka turut membantu dalam persolekan dengan menyediakan alat tambahan, membetulkan tudung atau gaun yang mudah terjejas sepanjang majlis.

Lebih penting, *bride assistant* juga bertindak sebagai penyokong emosi, memberi semangat ketika pengantin berasa cemas, letih atau tertekan. Malah, mereka juga berperanan sebagai juruiring peribadi yang memastikan keselesaan pengantin dari segi pergerakan, minuman serta waktu rehat.

Trend ini muncul disebabkan oleh perubahan landskap perkahwinan masa kini. Majlis perkahwinan bukan lagi acara ringkas, sebaliknya dipenuhi dengan protokol, sesi fotografi, liputan media sosial serta pelbagai acara sampingan yang memerlukan penyusunan teliti. Pengaruh media sosial juga memberi impak besar dalam melahirkan keperluan terhadap peranan ini. Kehadiran tenaga profesional seperti perancang perkahwinan, jurugambar, pereka busana dan kini *bride assistant* membuktikan bahawa perkahwinan telah berevolusi menjadi sebuah acara besar yang memerlukan pengurusan teratur.

Bagi mengetahui lebih lanjut mengenai perkhidmatan ini, penulis juga berpeluang menemu bual Dayang Nurul Zaharah Fa'ariah Nizzatul Islam binti Abdul Rahim, Pengasas Selangkah.co (Instagram : @selangkah_co), antara individu yang menawarkan perkhidmatan ini di NBD.

Menurut beliau, idea untuk menubuhkan Selangkah.co ini lahir daripada pengalaman peribadi.

"Walaupun saya dikelilingi *bridesmaids* ketika majlis perkahwinan, saya tetap berasa cemas dan kekurangan sokongan. Dari situ saya menyedari perlunya seorang individu yang benar-benar bertindak sebagai *step ahead* untuk pengantin. Seorang yang memastikan setiap detik perkahwinan berlangsung dengan tenang,

penuh keyakinan dan meninggalkan memori indah," jelas Dayang Nurul Zaharah.

Namun begitu, beliau mengakui cabaran sebagai *bride assistant* tidak mudah.

"Setiap pengantin mempunyai emosi yang berbeza. Ada yang tenang, ada yang mudah gugup dan ada pula yang cepat panik. Tugas saya ialah memastikan mereka tidak terbeban dengan perkara kecil supaya fokus hanya pada momen indah hari itu," tambahnya lagi.

Ketika ditanya mengenai harapannya, Nurul Zaharah menjelaskan, "Saya mahu Selangkah.co menjadi 'satu langkah lebih awal' untuk pengantin. Harapan saya adalah untuk memberikan mereka keyakinan, ketenangan dan pengalaman perkahwinan yang indah. Saya percaya setiap pengantin berhak untuk benar-benar menikmati hari paling bermakna dalam hidup mereka".

Walaupun trend ini semakin diterima, masih ada yang memandangnya sebagai sesuatu yang berlebihan. Ada yang berpendapat bahawa peranan ini boleh

digalas oleh ahli keluarga atau sahabat karib tanpa mengupah orang luar. Namun, bagi sesetengah pasangan, melabur untuk *bride assistant* dianggap berbaloi kerana perkahwinan hanyalah sekali seumur hidup dan tidak salah untuk memastikan segalanya berjalan dengan sempurna.





UNISSA melahirkan Generasi Khayra Ummah berilmu, berakhlak, berdaya saing

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sebagai institusi pengajian tinggi Islam yang pertama di Negara Brunei Darussalam (NBD) sekali lagi mengorak langkah gemilang dengan menganjurkan Majlis Hafl Al-Takharuj Ke-15 yang telah berlangsung pada Khamis, 21 Ogos 2025 Masihi bersamaan 27 Safar 1447 Hijrah. Majlis gilang-gemilang tersebut diadakan di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Canselor UNISSA bagi pengurniaan ijazah dan diploma kepada para bakal graduan.

Turut berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UNISSA.

Sejarah

Penubuhan UNISSA bermula daripada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam Ke-16 pada tahun 2004, di mana baginda menzahirkan hasrat agar NBD memiliki sebuah universiti Islam.

Sebagai lambang ketokohan dan warisan Islam di bumi Brunei, universiti ini mengambil

nama daripada Syarif Mekah, Barkat Ali ibnu Syarif Ajlan ibnu Syarif Rumaithah, yang dikenali sebagai Sultan Sharif Ali, Sultan Brunei ketiga dan merupakan keturunan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Baginda ialah sultan yang pertama membina masjid di NBD dan meninggalkan legasi besar dalam perkembangan Islam di rantau ini.

Akhirnya, hasrat tersebut direalisasikan pada 1 Januari 2007M bersamaan dengan 11 Zulhijah 1427H dengan tertubuhnya UNISSA, yang pada awalnya menempatkan para pelajar dan kakitangan bekas Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (IPISHOAS). UNISSA menerima kumpulan pertama pelajarinya pada Ogos 2007 dengan kemasukan seramai 125 pelajar ijazah pertama dan 27 pelajar pascasiswazah. Pada Februari 2009, universiti tersebut berpindah ke kampus baharu di Gadong iaitu bekas Kolej Kejururawatan Pengiran Anak Puteri Rashidah bagi memberikan lebih ruang untuk pengembangan serta penambahan kemudahan.

Berlandaskan visi sebagai 'Institusi Pengajian Tinggi Islam Global Melahirkan Generasi Khayra Ummah', UNISSA berperanan bukan sahaja sebagai pusat pendidikan tinggi tetapi juga medan penyelidikan berimpak tinggi yang memacu pembangunan ummah dalam ekosistem berteraskan Maqasid Syariah.

Pencapaian Graduan Tahun 2025

Majlis Hafl Al-Takharuj Ke-15 tahun ini telah meraikan seramai 507 graduan daripada pelbagai peringkat pengajian. Pecahan graduan adalah seperti berikut :-

18 orang penerima Ijazah Doktor Falsafah

(PhD);

79 orang penerima Ijazah Sarjana (Master's Degree);

343 orang penerima Ijazah Sarjana Muda (Bachelor's Degree);

11 orang penerima Ijazah Diploma Siswazah;

34 orang penerima Diploma Tertinggi Kebangsaan;

16 orang penerima Diploma Kebangsaan;

6 orang penerima Ijazah Khas Hafaz Al-Quran 30 Juzuk.

Daripada jumlah tersebut, 477 orang adalah graduan tempatan, manakala 30 graduan antarabangsa berasal dari pelbagai negara termasuk 10 pelajar Republik Singapura, dua pelajar Thailand, lapan pelajar Republik Indonesia, tiga pelajar Malaysia dan seorang pelajar daripada negara Republik Filipina, Afghanistan, Republik Rakyat China, Republik Arab Mesir, Nigeria, Palestin dan Togo.

Lebih membanggakan lagi, tahun ini turut menyaksikan kohort pertama graduan daripada program Sarjana Muda (Degree Program) dan Sarjana (Master Program) dalam bidang pertanian.

Antara program baharu yang melahirkan graduan sulungnya termasuk :

Ijazah Sarjana Pertanian (Agribisnis), seorang graduan;

Ijazah Sarjana Sains Pertanian, seorang graduan;

Ijazah Sarjana Akuakultur, seorang graduan;

Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian (Agribisnis) seramai 15 graduan.

Selain itu, UNISSA juga meraikan 14 graduan Sarjana Muda Media & Teknologi Komunikasi Islam serta 16 graduan Diploma Pengajian Islam.

Harapan, Aspirasi

Sebagai institusi pengajian tinggi Islam

yang berkembang pesat, UNISSA meletakkan harapan agar para graduannya terus berhubung dengan universiti melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni serta Pejabat Pembangunan Kerjaya dan Jaringan Industri UNISSA bagi mendapatkan maklumat serta peluang mengikuti program pembangunan kerjaya dan kapasiti diri. Bagi alumni yang berminat di dalam bidang keusahawanan, mereka digalakkan berhubung terus dengan e-Hub UNISSA bagi menerokai peluang program keusahawanan yang ditawarkan.

Harapan ini sejajar dengan aspirasi negara untuk melahirkan generasi berilmu, berakhlak mulia dan mampu menjadi ejen perubahan dalam masyarakat. Graduan UNISSA diingatkan agar menjadikan ilmu sebagai panduan hidup serta terus menyumbang kepada agama, bangsa dan negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035 yang berteraskan modal insan berkualiti tinggi.

Penutup

Majlis Hafl Al-Takharuj Ke-15 UNISSA bukan sekadar acara simbolik pengurniaan ijazah, malah mencerminkan usaha berterusan negara dalam menjunjung pendidikan Islam bertaraf global. Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota menzahirkan betapa pentingnya peranan UNISSA dalam melahirkan generasi Khayra Ummah yang berilmu, berakhlak dan berdaya saing.

Dengan pencapaian 507 graduan tahun ini termasuk kohort pertama dalam bidang pertanian, UNISSA sekali lagi meneguhkan perannya sebagai mercu tanda pendidikan Islam moden yang menyinari masa depan NBD dan dunia Islam sejagat.

Alhamdulillah, syabas dan tahniah diucapkan kepada semua graduan UNISSA 2025. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin untuk terus berbakti kepada agama, bangsa dan negara.





Kad jemputan digital semakin popular

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Ihsan Creative Corner

APABILA mengadakan sesuatu majlis, penyediaan jemputan adalah penting. Walaupun hanya majlis yang agak ringkas seperti Majlis Hari Jadi, Majlis Tahlil dan Doa Arwah, kad jemputan mesti disediakan kerana ia lebih sempurna dan membuatkan orang yang dijemput itu berasa dihargai kerana dijemput ke majlis berkenaan.

Ketika ini, penggunaan kad jemputan digital semakin popular kerana ia mudah, fleksibel dan sentuhan moden dalam menyampaikan undangan. Ia semakin banyak digunakan untuk mengundang sanak saudara dan sahabat handai ke Majlis Perkahwinan, Majlis Berbedak, Hari Jadi, Majlis Akikah, hari keluarga dan sebagainya.

Antara pengusaha yang telah mengusahakan perniagaan membuat kad jemputan digital ialah Dayang Nurfaeezah Jeffree di bawah syarikat creativecorner.bn.

Mempunyai minat dan hobi dalam *art and craft designing*, beliau baru saja mula berniaga kad jemputan digital pada Mei yang lepas. Walau bagaimanapun, beliau sudah pun mula berniaga pada Jun 2024 dengan menjual produk kraf seperti gantungan *keychain* dan bunga *bouquet*. Ketika masih belajar, beliau juga pernah menjual *art and craft painting* dan menjadi *dropship* pakaian Muslimah pada tahun

2021 - 2022 secara separuh masa.

Tempoh penyiapan kad jemputan digital mengambil masa kira-kira seminggu, tertakluk kepada segala maklumat lengkap yang telah diberikan oleh pelanggan mahupun lukisan yang dikehendaki.

Kad jemputan digital mempunyai kelebihan tersendiri. Ia lebih mesra alam kerana tiada penggunaan kertas jadi lebih lestari. Mengurangkan penggunaan kertas dapat membantu melindungi alam sekitar negara kita selaras dengan inspirasi menuju Wawasan Brunei 2035.

Ia juga menjimatkan kerana ia tidak perlu dicetak atau dihantar melalui pos. Jemputan digital juga lebih cepat dan mudah kerana ia boleh dihantar melalui WhatsApp, e-mel, media sosial atau laman sesawang.

Penyampaian kad jemputan digital mempunyai gaya moden dan profesional. Dengan pelbagai tema yang menarik, reka bentuk yang boleh disesuaikan ia juga boleh dibuat secara interaktif yang mana ia boleh disertakan dengan muzik, video, peta lokasi dan RSVP automatik.

Selain itu, ia juga mudah dikemas kini jika ada perubahan tarikh, lokasi atau maklumat lain.

Harga kad digital beliau tertakluk kepada reka bentuk iaitu bermula BND25 ke atas. Tambahan harga juga dikenakan sekiranya pelanggan mahukan tambahan ciri lain seperti pengesahan kehadiran (RSVP), peta lokasi dan lain-lain. Kad digital yang paling laris ialah tema klasik seperti Majlis Malam Berbedak.

Ditanya mengenai idea membuka perniagaan, semuanya bermula dari minat yang mendalam dalam *art, craft and designing*. Beliau mahu menjadikan hobinya sebagai sesuatu yang boleh mendatangkan keuntungan. Beliau juga tidak mahu bergantung kepada pasaran pekerjaan sahaja. Mempunyai perniagaan sendiri dapat mencipta peluang pekerjaan untuk diri sendiri dan mengusahakan sesuai dengan yang diminati serta dapat memberi kepuasan kerja yang jauh lebih tinggi.

Idea membuat kad digital juga adalah dari negara luar. Baginya, ada peluang memulakan perniagaan ini kerana di Negara Brunei Darussalam belum banyak yang membuat perniagaan ini. Kebanyakan orang lebih menyukai kad digital kerana kemudahan dari segi penjimatan kos dan masa. Menjual produk digital juga mempunyai pasaran yang luas dapat menembusi pasaran luar negara.

Beliau pernah mengikuti program belajar mengenai keusahawanan (YDC Lights On Batch 7) di Pusat Pembangunan Belia (PPB) pada bulan Mei - Jun 2025. Beliau telah membentangkan dan mempamerkan kad digital ini di hadapan panel juri jemputan yang mempunyai pakar dalam perniagaan, dan mendapat maklum balas yang positif.

Bagi beliau mengikuti kursus sangat penting untuk menambahkan lagi ilmu pengetahuan mengenai perniagaan seperti untuk meningkatkan kemampuan membuat keputusan, pengetahuan

dalam kewangan, strategi pemasaran dan komunikasi. Pentingnya belajar untuk mampu menyesuaikan diri terhadap perubahan pasaran, inovasi dan permintaan pelanggan yang berubah-ubah.

Selain itu, beliau telah dijemput untuk mengendalikan kursus kemahiran artisan (kad digital) kepada belia-belia yang minat menyertai di PPB pada 13 dan 14 Ogos 2025.

Beliau juga terpilih untuk mempamerkan produk kad digital (Kluster Teknovasi) sempena Hari Belia Kebangsaan Ke-20 pada tahun ini.

Di samping aktif berniaga membuat kad jemputan digital, Dayang Nurfaeezah juga gemar membuat kreativiti lain seperti *keychain* yang mana ia bermula disebabkan trend memakai bag charms pada tahun lepas hingga sekarang.

Antara cabaran yang dihadapi ialah perubahan minat pasaran seperti *key chain* untuk gantungan *bag charms* merupakan trend yang mana ia mungkin akan berkurangan pada masa akan datang. Persaingan sengit daripada pengusaha tempatan dan luar terutama dari segi harga dan persaingan pasaran dari segi reka bentuk. Reka bentuk dapat ditiru dari mana-mana pihak yang dapat memberi kesan negatif kepada keaslian produk.

Bagi mereka yang ingin melihat hasil kreativiti beliau bolehlah layari laman Instagram [@creativecorner.bn](https://www.instagram.com/creativecorner.bn) dan TikTok [@creativecorner.bn](https://www.tiktok.com/@creativecorner.bn) dan [@creativecorner_digital](https://www.tiktok.com/@creativecorner_digital).

MMPB TAMATKAN MISI KEMANUSIAAN METRO MANILA 2025



■ Siaran Akhbar dan Foto : Malam Misi Platform Belia

MANILA, Rabu, 20 Ogos. - Malam Misi Platform Belia (MMPB) yang dahulunya dikenali sebagai Malam Minggu Pusat Belia telah berjaya menamatkan Misi Kemanusiaan Metro Manila 2025 bersempena Hari Kemanusiaan Sedunia.

Misi ini telah menghimpunkan seramai 19 sukarelawan belia dari Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Filipina, memberi manfaat kepada lebih 360 pelajar di Markaz At-Tarbawi, Culiat Madrasah dan

Madrasah Tahfidul Quran.

Aktiviti merangkumi khidmat gunting rambut percuma, kesedaran pertolongan cemas dan balutan luka, klinik bola sepak akar umbi, permainan membina pasukan, origami serta bengkel kreatif, di samping pengagihan barangan sumbangan dari FABD, Printmartz, Sukarelawan Filipina MMPB, Yakin, HiTUNE, Teabox, Guerrilla Architect dengan Victory Athlete (VA) sebagai penyedia rasmi pakaian untuk para sukarelawan sepanjang misi.

MMPB merakamkan penghargaan kepada Majlis Ulama Filipina (PUCCOI) atas kerjasama mereka kepada Kedutaan Republik Filipina di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diwakili

oleh Naib Konsul, Jacqueline Ong atas sokongan semasa pelepasan rasmi serta kepada Kedutaan NBD di Manila di mana Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Filipina, Puan Yang Terutama Megawati binti Dato Paduka Haji Manan telah menganjurkan jamuan tengah hari bagi meraikan delegasi.

Ketua delegasi, Dayang Hajah Noor Monasalieana@Suzie binti Haji Mohd. Salleh menegaskan misi ini mencerminkan visi belia Brunei sebagai belia berwawasan : "Dengan mengibarkan bendera negara di luar tanah air dan berkhidmat bersama rakan belia di Filipina, kami menzahirkan bahawa belia ASEAN bersatu, tabah dan komited membina masa depan yang lebih baik bersama. Gerak Belia, Jiwa Misi".

MALAM Misi Platform Belia berjaya menamatkan Misi Kemanusiaan Metro Manila 2025 bersempena Hari Kemanusiaan Sedunia.

Tingkatkan kesedaran masyarakat mengenai PSI



SEMPENA memperingati Minggu Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia, Pameran Mini diadakan di Lobi Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong (kiri dan bawah).

**Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

BANGAR, Khamis, 21 Ogos. - Minggu Penyusuan Susu Ibu (PSI) Sedunia merupakan aktiviti tahunan yang disambut pada setiap bulan Ogos setiap tahun.

Walaupun mempunyai tema berbeza setiap kali penganjurannya, namun sambutan ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai isu-isu berkaitan PSI.

Pada tahun ini, tema Sambutan Minggu PSI adalah 'Mengutamakan PSI : Cipta Sistem Sokongan yang Mampan' (Prioritize Breastfeeding: Create Sustainable Support Systems).

Bagi menyokong tema tahun ini yang menekankan keperluan untuk merapatkan jurang dalam penjagaan wanita, ibu dan kanak-kanak, yang mana sambutan ini menyeru semua sektor untuk mengutamakan PSI sebagai pelaburan penting untuk kesejahteraan sepanjang hayat.

Sehubungan itu, sempena memperingati Minggu PSI Sedunia, Pameran Mini diadakan di Lobi Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam (PIHM), Temburong, di sini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Guru Ugama Hospital PIHM, Temburong, Awang Abdul Matin bin Narudin.

Acara diisi dengan Program PSI serta pelbagai aktiviti sambutan, antaranya reruai dan pameran PSI, kuiz serta peraduan melukis bagi kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah.

Orang ramai dialu-alukan untuk hadir menyaksikan pameran dan menyertai kuiz sempena Sambutan PSI, yang akan berlangsung dari hari ini hingga 27 Ogos 2025, bermula dari jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pegawai Pentadbir Kanan

Hospital PIHM, pegawai kanan, jururawat dan bidan serta kakitangan Hospital PIHM, Temburong dan Klinik Kesihatan Temburong.

Secara keseluruhannya, sambutan ini diadakan bagi mencapai objektif-objektif berikut iaitu meningkatkan kesedaran global dengan menekankan kepentingan PSI sebagai amalan pemakanan terbaik untuk anak damit dan kanak-kanak selain memperkasa golongan ibu dengan memberi sokongan yang berterusan dalam usaha mereka menyusukan anak damit; serta merapatkan jurang dengan memastikan ibu, tanpa mengira latar belakang atau keadaan, mempunyai akses kepada sokongan yang mereka perlukan untuk berjaya dalam PSI.



DARI MAHKAMAH

6 pertuduhan atas salah laku dalam jawatan kerajaan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Ogos. - Seorang Ketua Bahagian Pengurusan Bil di Jabatan Perkhidmatan Air (JPA), mengaku tidak bersalah atas enam pertuduhan di Mahkamah Majistret disini hari ini atas dakwaan salah laku dalam jawatan kerajaan di bawah Bab 12B dari Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 13.

Defendan, Tan Kok Din memegang jawatan Ketua Bahagian Pengurusan Bil di JPA antara tahun 2015 hingga 2022, yang mana dia bertanggungjawab bagi mengesyorkan syarikat-syarikat kepada Jawatankuasa Sebut Harga di JPA supaya diberikan projek JPA.

Mengikut keenam pertuduhan, Tan Kok Din melakukan pembersihan wang haram berbangkit daripada dana yang diperoleh dengan menyalahi undang-undang melalui skim tersebut.

Siasatan mendedahkan bahawa dalam dua kejadian berasingan pada tahun 2015, defendan menerima deposit berjumlah BND140,000 dan BND60,000 yang dimasukkan ke dalam akaun bank peribadinya.

Dana tersebut dikesan berasal daripada syarikat-syarikat yang terlibat dan diketahui atau disyaki dengan munasabah oleh defendan sebagai hasil daripada salah lakunya.

Setiap pertuduhan membawa hukuman denda sebanyak BND30,000 dan penjara selama tujuh tahun.

Defendan juga menghadapi dua pertuduhan pembersihan wang haram di bawah Bab 3(1)(a) dari Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah, 2012, setiap pertuduhan boleh dikenakan hukuman denda sehingga BND500,000, dihukum penjara sehingga 10 tahun, atau kedua-duanya sekali.

Siasatan mendedahkan bahawa defendan telah berulang kali gagal mengisytiharkan kepentingan peribadinya dalam beberapa syarikat yang telah mengambil bahagian untuk mendapatkan projek tender JPA.

Defendan juga didapati telah menerima faedah dari segi kewangan berikutan memberikan projek tender JPA kepada syarikat-syarikat tersebut.

Dalam tempoh tersebut, syarikat-syarikat tersebut telah memperoleh kontrak JPA yang bernilai berpuluh ribu ringgit.

Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Siti Khalillah binti Hussin, Nur Ruzana binti Adnan dan Mohammad Syafi'e bin Mirhan.

Manakala defendan tidak diwakili dan dilepaskan dengan jaminan mahkamah dengan dikenakan syarat yang ketat.

Yang Arif Majistret Harnita Zelda Skinner memutuskan sebutan lanjut akan diperdengarkan lagi pada 4 September 2025, jam 2 petang.

BERAZAM JADI INSAN BERMANFAAT, BERDAYA SAING, BERAKHLAK MULIA

■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BERAKAS, Khamis, 21 Ogos. - Menerima segulung ijazah atau sijil merupakan detik yang amat bermakna bagi setiap graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian setelah menggalas peranan sebagai mahasiswa dan mahasiswi universiti.

Ijazah atau sijil yang digenggam bukan sahaja simbol kejayaan akademik tetapi juga tanda kesabaran, pengorbanan serta doa yang tidak putus daripada ibu bapa, keluarga dan para pensyarah yang membimbing sepanjang perjalanan mereka.

Namun, kejayaan ini bukanlah noktah terakhir sebuah perjalanan, sebaliknya adalah permulaan kepada tanggungjawab baharu - untuk menyumbang ilmu dan bakti kepada agama, bangsa dan negara.

Dengan ilmu serta pengalaman yang diperoleh di universiti, para graduan berazam untuk menjadi insan yang bermanfaat, berdaya saing dan berakhlak mulia dalam menghadapi cabaran masa depan.

Pada Majlis Hafl Al-Takharruj Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Ke-15, Tahun 2025 yang diadakan pagi tadi di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, beberapa orang graduan berkongsi kisah dan pengalaman mereka sepanjang menggalas peranan sebagai mahasiswa dan mahasiswi universiti Islam tersebut.

Antara mereka yang menonjol



ialah Awangku Muhammad Zahhar bin Pengiran Zaidi, lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Halal dari UNISSA.

Sepanjang empat tahun pengajian, beliau berjaya menulis sebuah kajian akademik bertajuk 'Conceptual Framework of Halalpreneurship for Entrepreneurs in Brunei'.

Menurutnya, kajian ini memberi tumpuan kepada usaha memperkasa para usahawan tempatan dengan membimbing mereka dalam mengaplikasikan prinsip halal dan *thayyib* dalam perniagaan.

Beliau berharap penulisannya dapat menjadi panduan yang jelas kepada usahawan agar memiliki kefahaman dan amalan halal yang seragam, sekali gus mengelakkan salah faham dalam pelaksanaan perniagaan.

Bagi Awangku Muhammad Zahhar, Kursus Sains Halal yang diikuti amat signifikan kerana ia membawanya menyedari bahawa konsep halal bukan hanya tertumpu kepada makanan, tetapi merangkumi pelbagai industri lain.

Katanya, halal bukan sekadar ibadah dan gaya hidup umat Islam tetapi juga merupakan penyumbang besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Justeru, beliau melihat bidang ini sebagai titik permulaan penting untuk membantu memperkukuh pelaksanaan konsep halal secara lebih teliti dan berkesan demi manfaat masyarakat.

Selain beliau, kejayaan turut dikongsi oleh graduan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Terjemahan, Dayang Aiman Abadiyah binti Haji Sopian.

Beliau berpeluang menimba pengalaman berharga di Oman selama dua bulan dalam kursus pengukuhan bahasa Arab.

Pengalaman berinteraksi dengan penutur jati Arab telah meningkatkan keyakinan serta kelancaran komunikasinya.

Baginya, pengalaman ini bukan sahaja memperkayakan pengetahuan, malah membina kematangan berfikir dan sikap berdikari dalam menghadapi

AWANGKU Muhammad Zahhar bin Pengiran Zaidi, lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Halal dari UNISSA.

cabaran baharu.

Beliau kini merancang untuk menyambung pengajian ke peringkat sarjana di UNISSA.

Tidak ketinggalan, Dayang Hani' binti Ariffin, pemegang Ijazah Sarjana Sains Pertanian (Penyelidikan) yang mengongsikan, beliau mengambil masa lebih dua tahun untuk menyelesaikan kursus yang mencabar ini.

Pada peringkat awal, beliau menjalankan kajian penghasilan baja organik daripada sisa sayuran.

Sepanjang kajiannya, beliau melaksanakan pelbagai eksperimen seperti pencirian baja organik, kajian inkubasi dan analisis *volatilization of ammonia*.

Selain itu, beliau menghasilkan tesis, artikel saintifik serta kertas kerja untuk persidangan, dan hasil penyelidikan beliau amat signifikan kerana berpotensi meningkatkan produktiviti tanah, mengurangkan penggunaan baja kimia berlebihan serta menyokong kelestarian alam sekitar.

Beliau juga berpeluang menjalani penyelidikan di Brunei Agriculture Research Center (BARC), Kilanas, serta di Makmal Ibnu Sina, UNISSA.

Melalui pengalaman itu, beliau semakin yakin untuk menyumbang dalam bidang pertanian dan pengeluaran makanan mampan di Brunei Darussalam.

Kisah inspirasi ini turut diperkaya dengan pengalaman Dr. Dayang Azilla Liyana binti Mohd. Azam Zaki, pemegang Ijazah Doktor Falsafah Undang-undang, yang berjaya menamatkan pengajiannya dalam masa tiga tahun dengan penglibatan aktif dalam persidangan, forum dan penerbitan artikel dalam jurnal berindeks seperti *The Law Review* (2023).

Kajian beliau memberi tumpuan kepada penyelidikan dalam undang-undang jenayah serta isu-isu berkaitan, dengan matlamat meluaskan perbincangan ilmiah dan menyumbang idea-idea baharu untuk pembangunan sektor perundangan.

Bagi beliau, pencapaian ini hanyalah permulaan untuk terus mengembangkan ilmu dan kemahiran penyelidikan demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Setiap kisah graduan ini mencerminkan bahawa kejayaan



DAYANG Hani' binti Ariffin, pemegang Ijazah Sarjana Sains Pertanian (Penyelidikan); graduan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Terjemahan, Dayang Aiman Abadiyah binti Haji Sopian dan Dr. Dayang Azilla Liyana binti Mohd. Azam Zaki, pemegang Ijazah Doktor Falsafah Undang-undang (kiri, tengah dan kanan).

bukanlah datang dengan mudah, sebaliknya menuntut pengorbanan, kesabaran dan usaha berterusan.

Dari bidang halal, bahasa Arab, pertanian sehinggalah undang-undang, mereka telah membuktikan bahawa ilmu yang diperoleh mampu menyumbang

bukan sahaja untuk pembangunan diri, tetapi juga untuk masyarakat dan negara.

Kejayaan mereka menjadi bukti bahawa ilmu adalah kunci untuk membuka pintu masa depan, manakala semangat juang dan ketabahan adalah jambatan untuk merealisasikan impian.




ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

Keputusan Brunei-Cambridge GCE 'AS', 'A' Level dikeluarkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Ogos. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan sukacita memaklumkan bahawa keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE (BCGCE) Peringkat 'A' dan 'AS' bagi Sesi Mei / Jun 2025 telah dikeluarkan.

Bagi Peperiksaan BCGCE Peringkat 'A', seramai 109 calon telah menduduki Peperiksaan BCGCE Peringkat 'A' Sesi Mei / Jun 2025. Daripada jumlah ini, 21 adalah calon sekolah dan 88 adalah calon persendirian.

Pada peringkat nasional, seramai 22 calon (20.18 peratus) calon telah berjaya memperoleh sekurang-kurangnya 3 'A' Level dan ke atas dan 44 calon (40.37 peratus) telah memperoleh

sekurang-kurangnya 2 'A' Level dan ke atas. Manakala seramai 82 calon (75.23 peratus) telah memperoleh sekurang-kurangnya 1 'A' Level dan ke atas.

Pada peringkat sekolah, seramai tiga calon (14.29 peratus) telah berjaya memperoleh sekurang-kurangnya 3 'A' Level dan ke atas dan 11 calon (52.38 peratus) telah memperoleh sekurang-kurangnya 2 'A' Level dan ke atas. Manakala seramai 18 calon (85.71 peratus) telah berjaya memperoleh sekurang-kurangnya 1 'A' Level dan ke atas.

Bagi Peperiksaan BCGCE Peringkat 'AS', seramai 1,055 calon telah menduduki Peperiksaan BCGCE Peringkat 'AS' bagi Sesi Mei / Jun 2025.

Daripada jumlah ini, 1,043 adalah calon sekolah dan 12 adalah calon persendirian.

Pada peringkat nasional, seramai 557 calon (52.80 peratus) telah berjaya memperoleh sekurang-kurangnya 3 'AS' Level dan ke atas dan 854 calon (80.95 peratus) telah memperoleh sekurang-kurangnya 2 'AS' Level dan ke atas. Manakala seramai 1,020 calon (96.68 peratus) telah berjaya memperoleh sekurang-kurangnya 1 'AS' Level dan ke atas.

Pada peringkat sekolah, seramai 554 calon (53.12 peratus) telah berjaya memperoleh sekurang-kurangnya 3 'AS' Level dan ke atas dan 847 calon (81.21 peratus) telah memperoleh sekurang-

■ **Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan**

kurangnya 2 'AS' Level dan ke atas. Manakala seramai 1,012 calon (97.03 peratus) telah berjaya memperoleh sekurang-kurangnya 1 'AS' Level dan ke atas.

Penuntut-penuntut yang telah mengambil peperiksaan tersebut telah mula mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing pada Khamis, 21 Ogos 2025.

Manakala calon - calon persendirian juga telah mula mengambil slip keputusan mereka di kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Aras Bawah, Blok 'C', Kementerian Pendidikan semasa waktu pejabat pada tarikh yang sama.

Bagi mana-mana calon yang berhasrat untuk menduduki Peperiksaan BCGCE Peringkat 'A' dan 'AS' bagi Sesi Oktober / November 2025, pendaftaran Late Entry akan dibukakan sehingga Sabtu, 30 Ogos 2025.

Maklumat lanjut bagi pendaftaran Peperiksaan BCGCE Peringkat 'A' dan 'AS' bagi Sesi Oktober / November 2025 bolehlah diperoleh dengan melayari laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn atau ke Kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat, Aras Bawah, Blok 'C', Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka.

SAINTIS : ANTARTIKA BERDEPAN PERUBAHAN TIDAK DAPAT DIPULIHKAN



CANBERRA, 22 Ogos. - Saintis Australia dan antarabangsa memberi amaran bahawa Antartika sedang berdepan perubahan mendadak yang berpotensi tidak dapat dipulihkan terhadap ais, lautan dan ekosistemnya dengan kesan bencana, lapor Xinhua.

Penyelidik memberi amaran bahawa Lapisan Ais Antartika Barat berisiko runtuh akibat peningkatan karbon dioksida, sekali gus meningkatkan paras laut lebih tiga meter dan mengancam bandar pesisir di seluruh dunia, menurut kenyataan dikeluarkan Universiti Nasional Australia (ANU) pada Khamis.

"Keruntuhan sebegini akan membawa kesan bencana kepada generasi akan datang," kata

pengarang utama kajian itu, Nerilie Abram, ketua saintis di Bahagian Antartika Australia di bawah Jabatan Perubahan Iklim, Tenaga, Alam Sekitar dan Air.

Abram, yang menjalankan penyelidikan tersebut ketika berkhidmat sebagai profesor sains iklim di ANU, memberi amaran bahawa perubahan pantas telahpun diperhatikan dan akan "menjadi semakin buruk dengan setiap pecahan darjah pemanasan global."

Kehilangan ais laut Antartika menjadikan rak ais terapung lebih mudah runtuh akibat ombak, kata Abram bersama pasukan saintis iklim antarabangsa dari Australia, Afrika Selatan, Switzerland, Perancis, Jerman dan Britain.

"Apabila ais laut hilang dari permukaan laut, ia juga mengubah jumlah haba suria yang disimpan dalam sistem iklim, dan ini dijangka memburukkan lagi pemanasan di rantau Antartika," katanya.

Pengarang bersama, Profesor Matthew England dari Universiti New South Wales, Australia pula menegaskan perubahan itu mengancam negara dengan kenaikan paras laut yang menjejaskan komuniti pesisir serta lautan Selatan yang lebih panas dan kurang oksigen, sekali gus menyerap kurang karbon dan memburukkan pemanasan.

Kejatuhan ais laut Antartika turut mengancam habitat pembiakan penguin maharaja

yang bergantung kepada ais stabil, manakala krill, anjing laut dan fitoplankton juga berdepan risiko akibat pemanasan serta pengasidan lautan, kata England. Beliau menambah satu lagi risiko ialah keruntuhan peredaran semula Antartika yang menyebabkan nutrien penting terperangkap di dasar laut dan mengganggu ekosistem marin.

Kajian itu menekankan bahawa usaha pemuliharaan melalui Perjanjian Antartika sahaja tidak

akan menghentikan kesan iklim; pengurangan pelepasan gas rumah hijau hampir kepada sasaran 1.5 darjah Celsius adalah penting untuk mengelak perubahan mendadak seterusnya.

Penemuan yang diterbitkan dalam jurnal Nature itu menegaskan keperluan mendesak kerajaan, sektor perniagaan dan komuniti untuk mengambil kira perubahan pesat Antartika dalam perancangan iklim masa depan. - ©BERNAMA

Sebahagian komponen sayap pesawat Boeing 737 Delta Air Lines tertanggal ketika penerbangan

ISTANBUL, 21 Ogos. - Pentadbiran Penerbangan Persekutuan Amerika Syarikat (FAA) melancarkan siasatan selepas sebahagian komponen kepak sayap sebuah pesawat Boeing 737 tertanggal sebelum mendarat di Texas, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Penerbangan Delta Air Lines 1893 dalam perjalanan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Orlando ke Lapangan Terbang Antarabangsa

Austin-Bergstrom pada Selasa apabila penumpang menyedari sebahagian tepi belakang sayap telah rosak.

"Kami ingatkan ia hanya gelora di udara yang teruk. Pesawat berpegar dengan kuat.

"Seorang wanita di hadapan membuka penutup tingkap dan memberitahu kami ia rosak.

"Saya juga membukanya dan terus rasa takut," kata penumpang Shanila Arif kepada CNN.

Delta dalam satu kenyataan

memaklumkan bahawa "sebahagian kepak di sayap kiri tidak berada pada kedudukan yang sepatutnya".

Pesawat itu telah dikeluarkan daripada perkhidmatan untuk penyelenggaraan.

Penerbangan itu membawa 62 penumpang dan enam kru. Tiada kecederaan dilaporkan.

Delta turut memaklumkan akan memberikan kerjasama penuh kepada siasatan FAA. - ©BERNAMA

Rumah Putih lancar akaun TikTok

WASHINGTON, 20 Ogos. - Rumah Putih pada Selasa melancarkan akaun rasmi TikTok ketika penggubal undang-undang Amerika Syarikat (AS) masih melihat aplikasi milik China itu sebagai isu keselamatan negara.

Langkah itu dilihat sebagai usaha membantu Presiden AS Donald Trump mencapai khalayak lebih luas dan lebih muda, ketika ketegangan dengan China semakin reda dan kurang sebulan

sebelum tarikh akhir yang menghendaki syarikat induk TikTok, ByteDance Ltd., menjual aplikasi itu atau berdepan larangan persekutuan.

Pada April 2024, Presiden AS ketika itu Joe Biden menandatangani undang-undang yang mewajibkan ByteDance melepaskan operasi AS atau berdepan larangan di seluruh negara dengan alasan risiko keselamatan negara.

Rang undang-undang itu diluluskan dengan sokongan dwipartisan di Kongres. Larangan itu pada asalnya dijadual berkuat kuasa Januari lalu, tetapi Trump beberapa kali melanjutkan tarikh akhir sejak beliau memegang jawatan pada bulan yang sama.

Pada Jun, Trump menandatangani perintah eksekutif yang memberikan lanjutan terkini, yang akan tamat pada 17 Sept. - ©BERNAMA

Polis Mesir tembak mati lapan penyeludup dadah di Kaherah

KAHERAH, 20 Ogos. - Polis Mesir menembak mati lapan penyeludup dadah dalam kejadian berbalas tembakan di lokasi persembunyian mereka di pulau-pulau Sungai Nil, utara Kaherah, menurut kenyataan Kementerian Dalam Negeri pada Selasa.

Menurut kementerian, kesemua lelaki berkenaan mempunyai rekod jenayah termasuk kes bunuh, penyeludupan dadah, pemilikan

senjata api haram, rompakan bersenjata serta kecurian kenderaan, lapor Xinhua.

Mereka dipercayai menjalankan kegiatan dari pulau-pulau Sungai Nil berhampiran wilayah Menoufia dan Qalyubia dengan menggunakan bot laju serta memanfaatkan bentuk muka bumi bagi mengelak daripada dikesan pihak keselamatan.

Pasukan keselamatan memantau dan menjejaki kegiatan

kumpulan itu sebelum melancarkan serbuan.

"Penjenayah melepaskan tembakan secara agresif, namun polis berjaya menumpaskan mereka," menurut kenyataan itu.

Polis turut merampas 125 kilogram dadah dianggarkan bernilai 16 juta paun Mesir (sekitar US\$330,000) bersama lapan laras senjata api, menurut kementerian. - ©BERNAMA

Lebih 540 kanak-kanak maut secara purata setiap bulan di Gaza

ISTANBUL, 19 Ogos. - Lebih 540 kanak-kanak menjadi korban secara purata setiap bulan di Gaza sejak serangan Israel disambung semula pada Mac lepas, menurut Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) pada Selasa.

Sementara itu, Agensi Bantuan dan Kerja Bangsa-bangsa Bersatu untuk Pelarian Palestin di Asia Barat (UNRWA) memberi amaran bahawa tempat perlindungannyatelah bertukar menjadi "tempat kematian" bagi orang awam, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Di Gaza, sekolah-sekolah UNRWA telah menjadi tempat perlindungan bagi ratusan ribu orang. Orang ramai mencari perlindungan di bawah bendera PBB (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu), namun tempat ini akhirnya menjadi lokasi kematian, termasuk bagi terlalu ramai kanak-kanak," kata UNRWA dalam kenyataan di platform media sosial X.

"Kini tiada tempat yang selamat untuk kanak-kanak di Gaza," katanya lagi sambil menuntut gencatan senjata segera.

Agensi-agensi PBB memberi amaran mengenai kesan dahsyat kempen ketenteraan berterusan Israel terhadap kanak-kanak Gaza, apabila sekolah, hospital dan rumah dibedil tanpa henti.

Menurut Kementerian Kesihatan Gaza, keburlan telah meragut sekurang-kurangnya 266 nyawa rakyat Palestin, termasuk 112 kanak-kanak sejak Oktober 2023, berikutan sekatan semakin ketat dan kekurangan bantuan yang akut.

Israel telah membunuh lebih 62,000 rakyat Palestin di Gaza sejak Oktober 2023. Kempen ketenteraan itu telah memusnahkan wilayah berkenaan yang kini berdepan keburlan. - ©BERNAMA

Hampir 400 orang jadi korban hujan monsun di Pakistan

ISLAMABAD, 19 Ogos. - Seramai 46 orang terbunuh akibat hujan monsun dalam tempoh 24 jam lepas, menjadikan jumlah keseluruhan korban berkaitan hujan di Pakistan meningkat kepada 393 sejak Khamis, menurut Pihak Berkuasa Pengurusan Bencana Negara (NDMA) pada Selasa, lapor Xinhua.

Secara keseluruhan, 706 penduduk Pakistan dilaporkan maut sejak bermulanya musim monsun pada 26 Jun, menurut laporan situasi terkini NDMA.

NDMA menyatakan kebanyakan kematian berlaku akibat rumah dan bumbung yang runtuh selepas hujan lebat, manakala selebihnya berpunca daripada banjir kilat, tanah runtuh, renjatan elektrik serta panahan petir.

Wilayah Khyber Pakhtunkhwa mencatatkan jumlah korban tertinggi dengan 427 kematian.

Pihak berkuasa itu turut memaklumkan bahawa hujan monsun menyebabkan kerosakan besar kepada infrastruktur dan harta persendirian di seluruh negara.

Sejak 26 Jun, lebih 2,934 rumah rosak, 1,108 ternakan terkorban, selain 451 kilometer jalan raya dan 152 jambatan turut terjejas, dengan Khyber Pakhtunkhwa serta Kashmir yang ditadbir Pakistan paling teruk terkesan.

Pihak berkuasa memberi amaran hujan berterusan dijangka berlaku dalam beberapa hari mendatang dan menggesa penduduk di kawasan berisiko supaya mengambil langkah berjaga-jaga. - ©BERNAMA



KEJOHANAN BADMINTON PIALA MENTERI KESIHATAN 2025 BUKA TIRAI



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan hadir dan seterusnya merasmikan Kejohanan Badminton Piala Menteri Kesihatan 2025 (atas dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 22 Ogos. - Sebanyak 15 pasukan terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya dari keempat-empat daerah dan satu pasukan dari Jerudong Park Medical Centre (JPMC) berentap dalam Kejohanan Badminton Piala

Menteri Kesihatan 2025 yang bermula hari ini di Dewan Riadah, Pusat Belia.

Hadir merasmikan kejohanan dan seterusnya menyaksikan perlawanan awal kejohanan berkenaan ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif.

Antara objektif kejohanan ini diadakan adalah untuk menyahut dan menyokong visi Kementerian Kesihatan 'Bersama Ke Arah Warga Sihat' dan juga menggalakkan pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya untuk bergiat cergas dan aktif dalam aktiviti-aktiviti sukan.

Antara lain juga, untuk meningkatkan persefahaman dan kerjasama secara berpasukan dalam kalangan pegawai dan kakitangan warga Kementerian Kesihatan serta memupuk semangat kesukanan dalam kalangan mereka supaya berminat dan melibatkan diri di dalam sukan badminton.

Ia juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan kerjasama antara Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya dan untuk mengenal pasti pemain-pemain yang berpotensi bagi mewakili Kementerian Kesihatan menyertai Kejohanan Badminton Pesta Sukan Kementerian-

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hasif Matzin

kementerian, Sukan Muhibah Borneo dan Perlawanan Persahabatan di dalam atau luar negeri.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan sesi pengenalan bersama pasukan-pasukan yang bertanding.

Turut hadir menyaksikan kejohanan itu ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Awang Rudy bin Haji Harun; ketua-ketua jabatan berserta pegawai - pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.



Pertandingan mempertahankan warisan sukan lumba perahu



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Ogos. - Ke arah menarik minat generasi muda dan mempertahankan warisan sukan lumba perahu, Majlis Perundingan Kampung Setia 'A' dan 'B' dengan kerjasama Ahli-ahli Pasukan Helang Setia menganjurkan Pertandingan Lumba Perahu 'Fun Race' baru-baru ini.

Perlumbaan yang berlangsung di perairan kedua-dua kampung berkenaan menyaksikan Pasukan Helang Setia 'B' menggondol kategori-kategori yang dipertandingkan sehingga menjulang juara pada pertandingan tersebut.

Pasukan Helang Setia 'B' telah mendominasi tiga acara iaitu dua kali menang untuk 200m bagi lapan peyayuh dan 200m bagi 10 peyayuh. Sementara Helang Setia 'A' juga memenangi tiga acara perlawanan iaitu 200m bagi 10 peyayuh dan dua kali menang dalam acara 300m bagi 12 peyayuh.

MAJLIS Perundingan Kampung Setia 'A' dan 'B' dengan kerjasama Ahli-ahli Pasukan Helang Setia menganjurkan Pertandingan Lumba Perahu 'Fun Race' baru-baru ini (atas kiri dan kiri).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Pasukan Helang Setia

Kedua-dua pasukan mempunyai markah yang sama namun pusingan penentuan juara sekali gus memberi kelebihan kutipan mata yang dimenangi oleh Pasukan Helang Setia 'B'.

Hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang ialah Awang Faisal bin Haji Abd. Rahman.

Adapun Pasukan Helang Setia yang begitu aktif dalam sukan

lumba perahu sama ada dalam mahupun luar negara yang di bawah Awang Mohd. Amirun Ilimi bin Shahron selaku Pengerusi dan Jurulatihnya, Awang Abdul Mahmod bin Haji Muhammad untuk mengisi aktiviti pada musim cuti persekolahan selain untuk mengembangkannya sukan yang diwarisi ini bagi menarik minat golongan belia agar tidak pupus dan terus dipraktikkan dari generasi ke generasi akan datang.

Tahukah Awda

INSTITUT Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) telah ditubuhkan atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Sambutan Israk Mikraj pada 27 Rejab 1435 Hijrah / 27 Mei 2014. Peranan IBTE adalah untuk menggantikan tanggungjawab yang dimandatkan kepada Jabatan Pendidikan Teknik. IBTE kini beroperasi sebagai sebuah institut di bawah Kementerian Pendidikan dengan Lembaga Pengelolanya sendiri.

SUMBER : www.moe.gov.bn.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

NASIHAT SEBAGAI TANDA KASIH SAYANG